

LAPORAN TAHUNAN ANNUAL REPORT 2023



LAPORAN TAHUNAN 2023



KANDUNGAN

Laporan Tahunan 2023



3	VISI DAN MISI
5	SURUHANJAYA
6	PERUTUSAN Pengerusi
10	ANGGOTA SURUHANJAYA
13	MATLAMAT DASAR KEBANGSAAN BAGI INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
14	PERANAN SURUHANJAYA
15	FUNGSI SURUHANJAYA
16	JAWATANKUASA-JAWATANKUASA SURUHANJAYA
17	MESYUARAT SURUHANJAYA
21	TADBIR URUS
28	PENGURUSAN KANAN
29	STRUKTUR ORGANISASI
30	CARTA ORGANISASI
32	FUNGSI JABATAN, BAHAGIAN DAN UNIT DI BAWAH SPAN
38	LAPORAN SURUHANJAYA
96	DIARI KORPORAT
105	PENYATA KEWANGAN
106	SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
109	PENYATA ANGGOTA SURUHANJAYA
110	PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
111	PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
112	PENYATA PRESTASI KEWANGAN
113	PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH
114	PENYATA ALIRAN TUNAI
115	PENYATA PRESTASI BAJET
116	NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
135	ANALISA PRESTASI KEWANGAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA (SPAN)
136	PEJABAT-PEJABAT SPAN

VISI DAN MISI



VISI

Ke arah perkhidmatan air yang mapan, berdaya harap dan termampu untuk semua.

MISI

Untuk mengawal selia industri perkhidmatan air melalui pelaksanaan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) dengan adil, berkesan dan telus.



SURUHANJAYA

- 6 PERUTUSAN PENERUS
- 10 ANGGOTA SURUHANJAYA
- 13 MATLAMAT DASAR KEBANGSAAN BAGI INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
- 14 PERANAN SURUHANJAYA
- 15 FUNGSI SURUHANJAYA
- 16 JAWATANKUASA-JAWATANKUASA SURUHANJAYA
- 17 MESYUARAT SURUHANJAYA
- 21 TADBIR URUS





PERUTUSAN Pengerusi



Saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan SPAN bagi tahun 2023, yang mengetengahkan kemajuan dan cabaran penting dalam industri perkhidmatan air di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Semasa kita mengharungi masa yang dinamik ini, adalah penting untuk mengingat kembali pencapaian dan mengesahkan semula komitmen kita dalam menyampaikan perkhidmatan air yang mampan, boleh dipercayai dan berdaya harap kepada negara.

Tuan Charles Anthony Santiago
Pengerusi




Kemajuan dan Pencapaian

Penstrukturan semula industri perkhidmatan air: Kerajaan Persekutuan telah menetapkan hala tuju polisi untuk penstrukturan semula yang berasaskan model aset-ringan, di mana operator akan memindahkan semua tanggungan aset air dan liabiliti berkaitan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). PAAB kemudiannya akan memajak semula aset tersebut kepada operator pada kadar yang berpatutan untuk operasi dan penyelenggaraan. Setakat 31 Disember 2023, sebanyak 10 negeri iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Selangor, Pahang, Kedah dan Perlis telah memuktamadkan penstrukturan semula dan menandatangani perjanjian pemindahan aset dengan PAAB. Pencapaian penting ini dijayakan dengan kerjasama PAAB.

Sementara itu, Kerajaan Negeri Terengganu memutuskan untuk tidak melakukan migrasi kepada rejim aset-ringan. Berikutan itu, Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU) telah diberi mandat untuk bertanggungjawab sebagai pemilik sistem bekalan air awam di Terengganu. Bagi Wilayah Persekutuan (WP) Labuan, SPAN, bagi pihak Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), telah melantik perunding bagi melaksanakan kajian penilaian wajar (*due diligence*) bagi penubuhan satu entiti tunggal yang boleh menyediakan perkhidmatan bekalan air dan pembetulan di WP Labuan.

Migrasi ke rejim pelesenan: Sebanyak 11 operator telah melaksanakan migrasi ke rejim pelesenan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655), bagi meningkatkan lagi pemantauan dan pematuhan kawal selia dalam sektor ini.



Sumber air mentah: Air permukaan kekal sebagai sumber utama, menyumbang sebanyak 81.2% untuk bekalan air. Sumber air mentah yang lain ialah 16.5% daripada empangan dan 2.3% daripada air bawah tanah. Jumlah pengestrakan sumber air mentah ialah sebanyak 16,557 juta liter sehari.

Menangani isu pencemaran: Pencemaran kekal sebagai keutamaan dalam usaha untuk melindungi sumber air bagi generasi akan datang. Pelbagai langkah proaktif telah diambil bagi mengurangkan insiden pencemaran yang memberi impak terhadap operasi loji rawatan air. SPAN telah menetapkan Pelan Keselamatan Air, suatu strategi yang disediakan untuk mengurangkan risiko pencemaran dari sumber sehingga pili air, sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama bagi operator air. Akta 655 akan dipinda bagi memastikan tindakan lebih tegas boleh diambil terhadap penjenayah alam sekitar, termasuk mereka yang mencemarkan sungai. SPAN juga telah bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan untuk menjalankan rondaan berjadual di sekitar muka sawk. Selain itu, kempen kesedaran awam tentang kepentingan pemuliharaan, perlindungan dan kemapanan air juga dilaksanakan.

Liputan perkhidmatan: Purata liputan perkhidmatan bekalan air di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan telah mencapai 97.1%, dengan angka yang setanding di kawasan bandar dan luar bandar. Sebanyak 348 loji rawatan air telah menghasilkan 15,844 juta liter air terawat setiap hari, dengan margin rizab 15.3%, bagi memastikan bekalan yang berterusan kepada pengguna.

Pengurusan Air Tidak Terhasil (NRW): Walaupun kadar NRW di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan menunjukkan sedikit peningkatan daripada 34.4% kepada 34.6%, kadar nasional merekodkan sedikit penurunan daripada 37.2% kepada 37.1%. Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM1.9 bilion untuk inisiatif pengurangan kadar NRW, menunjukkan komitmen kuat dalam menangani isu ini.

Perkhidmatan pembetungan: Infrastruktur pembetungan, merangkumi 7,534 sistem rawatan kumbahan awam, 108 loji rawatan kumbahan serantau dan 4,822 sistem rawatan kumbahan persendirian, telah menyediakan perkhidmatan kepada hampir 36.8 juta Penduduk Setara. Rangkaian sistem pembetungan termasuk 1,495 stesen pam meliputi 21,978 km.

Dana Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (KWSMP): Sebanyak 29 projek bernilai RM430.22 juta telah dibiayai oleh dana ini untuk menaik taraf infrastruktur pembetungan bagi tahun 2023.

Pindaan perundangan: SPAN telah membuat pindaan ke atas Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) bagi tujuan penyelarasan tadbir urus dan mengukuhkan integriti. Pindaan ini akan dikuatkuasakan pada 1 Februari 2024. Selain itu, pindaan kepada Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) telah dicadangkan dengan memberi fokus kepada menangani isu berkaitan pencemaran air. SPAN juga telah menggubal satu (1) perundangan subsidiari baharu dan membuat pindaan lapan (8) perundangan subsidiari sedia ada, yang mana kesemuanya telah dikuatkuasakan.

PROJEK DI BAWAH KWSMP



sebanyak **29 projek** bernilai **RM430.22 juta**

telah dibiayai oleh dana ini untuk menaik taraf infrastruktur pembetungan



Penguatkuasaan dan siasatan: Dari tahun 2008 hingga tahun 2023, SPAN telah membuka sebanyak 1,290 kertas siasatan, termasuk 37 kertas siasatan pada tahun 2023, untuk menangani kesalahan seperti penyambungan yang menyalahi undang-undang dan pemotongan bekalan air, pembinaan sistem bekalan air dan sistem pembetulan, dan pembuangan efluen terlarang ke dalam pembetung awam. SPAN telah menyelesaikan siasatan sebanyak 37 kes, dengan 16 daripadanya dikompaun.

Penekanan Masa Depan

Melangkah ke hadapan, fokus kami akan kekal pada pengukuhan rangka kerja kawal selia, penggalakan amalan mampan dan peningkatan penyampaian perkhidmatan. Kami komited untuk bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan untuk mengatasi cabaran dan memanfaatkan peluang untuk penambahbaikan industri perkhidmatan air.

Penghargaan

Sebagai kesimpulan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada anggota-anggota suruhanjaya, kumpulan pengurusan, dan semua kakitangan atas kerja keras dan dedikasi mereka. Kejayaan ini ialah bukti komitmen anda yang kukuh. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pemegang taruh atas sokongan dan komitmen yang berterusan. Bersama-sama, kita sedang membina masa depan yang berdaya tahan dan mampan untuk industri perkhidmatan air.

Terima kasih.

Charles Anthony Santiago

ANGGOTA SURUHANJAYA

Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) telah berkuat kuasa pada 1 Februari 2007. Anggota-anggota Suruhanjaya dilantik oleh Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (sekarang dikenali sebagai Peralihan Tenaga dan Transformasi Air).



Di bawah peruntukan Akta sedia ada, Anggota Suruhanjaya terdiri daripada Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif dan tidak kurang daripada lapan (8) tetapi tidak lebih daripada 10 orang lain.

Anggota-anggota Suruhanjaya ini masing-masing telah berkhidmat dengan cemerlang dalam sektor korporat, kerajaan dan organisasi bukan kerajaan. Mereka telah diberi pengiktirafan dalam bidang yang diceburi sebelum dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya.



Charles Anthony Santiago
Pengerusi
(mulai 20 Mac 2023)

1

**Dato' Haji Ahmad Faizal bin
Abdul Rahman**
Ketua Pegawai Eksekutif
(mulai 29 Mei 2019)

2



**Dato' Ir. Mohd
Azmi bin Ismail**

Anggota
(sehingga 10
Januari 2023;
dilantik semula
pada 1 Mac 2023)



**Datuk Loo Took
Gee**

Anggota
(mulai 2
Februari 2023)



**Profesor Emeritus
Ir. Dr. Ahmad
bin Jusoh**

Anggota
(mulai 2
Februari 2023)



**Azrina binti
Surip**

Anggota
(mulai 2
Februari 2023)



**Muhammad
Sha'ani bin
Abdullah**

Anggota
(mulai 2
Februari 2023)



**Derek John
Fernandez**

Anggota
(mulai 2
Februari 2023)



**Ir. Syed Mohamed
Adnan bin Mansor
Alhabshi**

Anggota
(mulai 2
Februari 2023)



**Dato' Hamidah
binti Moris**

Anggota
(mulai 2
Februari 2023)



**Abdul Halim bin
Jantan**

Anggota
(mulai 2 Mei
2023)



**Dato' Razali bin
Mohamad**

Anggota
(1 November 2023
hingga 15 Januari
2024)



Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim

Anggota
(sehingga 10 Januari 2023;
dilantik semula
dari 2 Februari
2023 hingga 11
Oktober 2023)

Datuk Mohd Razlan bin Muhammad Rafii

Anggota
(sehingga 10
Januari 2023)

Ir. Dr. Haji Mohmad Asari bin Daud

Anggota
(sehingga 10
Januari 2023)

Johari bin Pawanchik

Anggota
(sehingga 10
Januari 2023)

Saizol bin Ismail

Anggota
(sehingga 10
Januari 2023)



Iszuree bin Ibrahim

Anggota
(sehingga 10
Januari 2023)

Dato' Faiza binti Zulkifli

Anggota
(sehingga 10
Januari 2023)

Ir. Haji Mohd Haslin bin Haji Hassan

Anggota
(sehingga 10
Januari 2023)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Othman

Anggota
(sehingga 10
Januari 2023)

MATLAMAT DASAR KEBANGSAAN BAGI INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR

Matlamat dasar kebangsaan bagi industri perkhidmatan air adalah:



mewujudkan suatu struktur perkhidmatan bekalan air dan pembetulan yang telus dan bersepadu untuk menyampaikan perkhidmatan yang berkesan dan cekap kepada pengguna;



memastikan bekalan air yang tersedia ada dan berkekalan untuk jangka masa panjang termasuk pemuliharaan air;



menyumbang kepada kekekalan alur air dan kawasan tadahan air;



memudahkan kemajuan persaingan untuk menggalakkan ekonomi dan kecekapan dalam industri perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetulan;



menubuhkan suatu persekitaran pengawalseliaan yang memudahkan kekekalan keupayaan kewangan antara pengendali industri perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetulan bagi jangka masa panjang;



mengawal selia untuk faedah pengguna bagi jangka masa panjang;



mengawal selia tarif dan memastikan penyediaan perkhidmatan yang berpatutan atas asas kesaksamaan;



meningkatkan kualiti hidup dan persekitaran melalui pengurusan perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetulan yang berkesan dan cekap;



menubuhkan suatu sistem kebertanggungjawaban dan pengelolaan antara pengendali industri perkhidmatan bekalan air dan pembetulan; dan



mengawal selia keadaan selamat dan keselamatan sistem bekalan air dan sistem pembetulan.


PERANAN SURUHANJAYA



SPAN adalah sebuah badan kawal selia teknikal dan ekonomi yang berperanan untuk menyelia dan mengawal selia perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

SPAN mengawal selia kesemua entiti dalam industri perkhidmatan air termasuk operator perkhidmatan bekalan air dan pembetungan awam, operator perkhidmatan bekalan air dan pembetungan persendirian, kontraktor bekalan air dan pembetungan, pemegang permit dan kelulusan produk bagi bekalan air dan pembetungan.

SPAN mengawal selia industri perkhidmatan air berdasarkan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) yang telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.



Carta 1: Entiti yang dikawal selia oleh SPAN

FUNGSI SURUHANJAYA

Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) memperuntukkan fungsi Suruhanjaya seperti yang berikut:



menasihati Menteri tentang segala perkara berhubung dengan objektif dasar kebangsaan bagi undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembedaan dan melaksanakan dan memajukan objektif dasar kebangsaan itu;



melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembedaan dan menimbang dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembedaan;



memastikan daya pengeluaran industri perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedaan dan memantau pengendali mematuhi standard perkhidmatan yang ditetapkan, obligasi berkontrak dan undang-undang dan garis panduan yang berkaitan;



menambah usaha bersepadu ke arah peningkatan kecekapan pengendalian industri itu dan secara khususnya pengurangan Air Tidak Terhasil melalui program jangka pendek, jangka pertengahan dan jangka panjang;



menasihati Menteri tentang mekanisme yang adil dan cekap bagi menentukan tarif yang adil kepada kedua-dua pengguna dan pemegang lesen dan melaksanakan tarif yang telah ditetapkan melalui mekanisme dan kaedah yang sesuai;



memastikan matlamat pembangunan negara berkenaan dengan liputan, pembekalan dan akses kepada perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedaan tercapai;



memastikan pengkalan kualiti air dan perkhidmatan pembedaan secara jangka panjang melalui pembangunan modal kerja yang berterusan;



merumuskan dan melaksanakan rancangan supaya semua permintaan yang munasabah bagi perkhidmatan pembedaan dipenuhi dan melalui perundingan dengan pihak berkuasa yang berkaitan, menyediakan suatu rancangan kawasan tadahan pembedaan yang merumuskan dasar dan cadangan am berkenaan dengan pembangunan apa-apa sistem pembedaan yang baharu dan langkah-langkah bagi membaiki mana-mana sistem pembedaan yang sedia ada;



menjalankan apa-apa fungsi yang diberikan kepadanya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain; dan



menasihati Menteri secara amnya mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedaan.

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA SURUHANJAYA

Suruhanjaya telah menubuhkan **tujuh (7)** jawatankuasa menurut seksyen 13 Akta 654 untuk membantu Suruhanjaya dalam melaksanakan fungsi-fungsinya.



MESYUARAT SURUHANJAYA

Terdapat lima (5) Mesyuarat Suruhanjaya telah diadakan pada 2023 seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut.

Mesyuarat Suruhanjaya	Tarikh	Kehadiran Anggota Suruhanjaya
1/2023	7 April 2023	11/11
2/2023	2 Jun 2023	12/12
3/2023	31 Julai 2023	12/12
4/2023	25 September 2023	10/12
5/2023	9 November 2023	10/12

Jadual 1: Mesyuarat Suruhanjaya pada 2023

Anggota Suruhanjaya	Jawatan	Kehadiran
Charles Anthony Santiago	Pengerusi	5/5
Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman	Ketua Pegawai Eksekutif	5/5
Dato' Hamidah binti Moris	Anggota	5/5
Datuk Loo Took Gee	Anggota	5/5
Professor Emeritus Ir. Dr. Ahmad bin Jusoh	Anggota	5/5
Azrina binti Surip	Anggota	5/5
Muhammad Sha'ani bin Abdullah	Anggota	5/5
Derek John Fernandez	Anggota	5/5
Ir. Syed Mohamed Adnan bin Mansor Alhabshi	Anggota	3/5
Dato' Ir. Mohd Azmi bin Ismail	Anggota	5/5
Abdul Halim bin Jantan	Anggota	4/4
Dato' Razali bin Mohamad	Anggota	0/1
Datuk Dr. Ching Thoo a/I Kim	Anggota	3/4

Jadual 2: Kehadiran Anggota Suruhanjaya ke Mesyuarat Suruhanjaya pada 2023

MESYUARAT

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA

Jadual berikut menunjukkan Mesyuarat Jawatankuasa-jawatankausa dan kehadiran anggota Suruhanjaya pada 2023.

1. Jawatankuasa Kewangan dan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan

Sebanyak lima (5) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun kewangan tersebut. Status jawatan dan kehadiran bagi setiap ahli ditunjukkan seperti jadual yang berikut.



Anggota Suruhanjaya	Jawatan	Kehadiran
Dato' Hamidah binti Moris	Pengerusi	5/5
Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman	Ketua Pegawai Eksekutif	5/5
Dato' Ir. Mohd Azmi bin Ismail	Ahli	5/5
Abdul Halim bin Jantan (mulai 2 Mei 2023)	Ahli	4/4
Dato' Razali bin Mohamad (1 November 2023 hingga 15 Januari 2024)	Ahli	1/1
Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim (sehingga 10 Januari 2023; dilantik semula dari 2 Februari 2023 hingga 11 Oktober 2023)	Ahli	2/3

2. Jawatankuasa Teknikal, Produk, Penyelidikan dan Pembangunan

Sebanyak lima (5) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun kewangan tersebut. Status jawatan dan kehadiran bagi setiap ahli ditunjukkan seperti jadual yang berikut.



Anggota Suruhanjaya	Jawatan	Kehadiran
Dato' Ir. Mohd Azmi bin Ismail	Pengerusi	5/5
Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman	Ketua Pegawai Eksekutif	5/5
Professor Emeritus Ir. Dr Ahmad bin Jusoh	Ahli	5/5
Ir. Syed Mohamed Adnan bin Mansor Alhabshi	Ahli	5/5

3. Jawatankuasa Audit

Sebanyak empat (4) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun kewangan tersebut. Status jawatan dan kehadiran bagi setiap ahli ditunjukkan seperti jadual yang berikut.



Anggota Suruhanjaya	Jawatan	Kehadiran
Ir. Syed Mohamed Adnan bin Mansor Alhabshi	Pengerusi	4/4
Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman	Ketua Pegawai Eksekutif	4/4
Datuk Loo Took Gee	Ahli	4/4
Nor Azrina binti Surip	Ahli	4/4

4. Jawatankuasa Pelesenan, Penguatkuasaan dan Perundangan

Sebanyak tiga (3) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun kewangan tersebut. Status jawatan dan kehadiran bagi setiap ahli ditunjukkan seperti jadual yang berikut.



Anggota Suruhanjaya	Jawatan	Kehadiran
Datuk Loo Took Gee	Pengerusi	3/3
Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman	Ketua Pegawai Eksekutif	3/3
Derek John Fernandez	Ahli	1/3
Dato' Ir. Mohd Azmi bin Ismail	Ahli	3/3
Abdul Halim bin Jantan	Ahli	3/3

5. Jawatankuasa Pendidikan dan Perlindungan Pengguna

Sebanyak tiga (3) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun kewangan tersebut. Status jawatan dan kehadiran bagi setiap ahli ditunjukkan seperti jadual yang berikut.



Anggota Suruhanjaya	Jawatan	Kehadiran
Muhammad Sha'ani bin Abdullah	Pengerusi	3/3
Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman	Ketua Pegawai Eksekutif	3/3
Datuk Loo Took Gee	Ahli	3/3
Nor Azrina binti Surip	Ahli	3/3

6. Jawatankuasa Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus

Sebanyak dua (2) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun kewangan tersebut. Status jawatan dan kehadiran bagi setiap ahli ditunjukkan seperti jadual yang berikut.



Anggota Suruhanjaya	Jawatan	Kehadiran
Abdul Halim bin Jantan	Pengerusi	2/2
Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman	Ketua Pegawai Eksekutif	2/2
Dato' Hamidah binti Moris	Ahli	2/2
Dato' Ir. Mohd Azmi bin Ismail	Ahli	2/2
Professor Emeritus Ir. Dr. Ahmad bin Jusoh	Ahli	2/2
Muhammad Sha'ani bin Abdullah	Ahli	2/2

7. Jawatankuasa Perkhidmatan dan Ganjaran

Sebanyak satu (1) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun kewangan tersebut. Status jawatan dan kehadiran bagi setiap ahli ditunjukkan seperti jadual yang berikut.



Anggota Suruhanjaya	Jawatan	Kehadiran
Derek John Fernandez	Pengerusi	1/1
Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman	Ketua Pegawai Eksekutif	1/1
Nor Azrina binti Surip	Ahli	1/1
Ir. Syed Mohamed Adnan bin Mansor Alhabshi	Ahli	0/1

Nota: Saraan dan elaun bagi Anggota Suruhanjaya adalah seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

TADBIR URUS

1. Aktiviti audit dalam menyumbang kepada peningkatan fungsi pengawalseliaan

SPAN sentiasa memberi penekanan kepada peningkatan kekuatan dan kecekapan dalaman melalui aktiviti audit dalam pada tahun 2023. Inisiatif ini terdiri daripada mengenal pasti beban kerja semasa pegawai individu, pengukuran prestasi di peringkat strategik, prosedur penyiasatan dan penguatkuasaan, dan kemajuan kes-kes yang dibawa ke peringkat pendakwaan. Memperkukuh pentadbiran dan meningkatkan kecekapan operasi dalaman SPAN secara tidak langsung akan meningkatkan mutu penyampaian industri perkhidmatan air.

(i) Kajian Kapasiti Perjawatan

Bahagian Audit Dalam diberi mandat oleh Jawatankuasa Audit untuk melaksanakan Kajian Keupayaan Pekerja. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kapasiti kakitangan sedia ada dengan senario tiada pengambilan baharu kecuali jawatan penting pada tahun 2022 dan akan memfokuskan kepada jabatan/bahagian/unit yang mempunyai lebih atau kurang kakitangan yang mana boleh menyebabkan ketidakseimbangan kerja (tanggungjawab) terhadap jawatan yang dipegang. Soal selidik

kajian ini telah diedarkan dan dilengkapkan oleh 278 responden tidak termasuk pejabat Pengerusi, pejabat Ketua Pegawai Eksekutif dan semua ketua jabatan/bahagian/unit. Ketua-ketua ini telah ditemu bual dan Manual Prosedur Kerja berkenaan telah disemak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tiga (3) bahagian memerlukan semakan lanjut oleh pengurusan tertinggi iaitu mengenai kecukupan kakitangan dan keseimbangan kerja berbanding tanggungjawab pekerja dalam merancang dan melaksanakan penstrukturan semula organisasi, kajian sumber manusia dan program yang berkaitan dengan modal insan, keseimbangan hidup dan kualiti yang lebih baik.

(ii) Perancangan Strategik SPAN: Alat Strategik dan Mengukur Prestasi

SPAN telah memulakan SSG8 iaitu matlamat strategik SPAN dalam merancang prestasi strategiknya bagi 2020 hingga 2025. Pengauditan telah dijalankan untuk mengenal pasti keberkesanan alat strategik yang telah digunakan, mengukur tahap pencapaian prestasi dan mengesyorkan inisiatif dan tindakan yang sesuai untuk penambahbaikan termasuk penggantian pangkalan data industri semasa.




(iii) Meningkatkan Kecekapan Penyiasatan dan Penguatkuasaan

Pelaksanaan audit di Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan kualiti kertas siasatan. Penemuan-penemuan juga turut disertakan dengan beberapa cadangan termasuklah penambahbaikan kemudahan seperti pembangunan sistem pangkalan data yang meliputi Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan dan Bahagian Pendakwaan, logistik dan sumber tenaga. Bilangan pegawai Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan terkini di pejabat-pejabat wilayah menunjukkan terdapat kekangan dalam menjalankan tugas. Selain itu faktor demografi juga turut memberi tekanan di mana setiap pegawai perlu bergerak di dalam kawasan liputan yang sangat luas pada wilayah masing-masing. Syor-syor tersebut akan dapat memudahkan isu semasa berkaitan siasatan dan penguatkuasaan di ibu pejabat dan di pejabat wilayah. Oleh itu, syor-syor yang dikemukakan membantu dalam mempercepatkan proses siasatan dan dapat memantau sebarang ketidakpatuhan di wilayah masing-masing dengan lebih efisien.

(iv) Mempercepatkan Proses Pendakwaan

Carta 2 menunjukkan bilangan kes yang sedang disiasat di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655). Walaupun jumlah kertas siasatan yang didaftarkan setiap tahun menunjukkan peningkatan, kecekapan pegawai siasatan dan pegawai pendakwa serta penempatan Timbalan Pendakwa raya di ibu pejabat SPAN telah melancarkan pergerakan kes-kes yang disiasat untuk dibawa ke peringkat pendakwaan. Tindakan penambahbaikan telah dikenal pasti bagi mempercepatkan proses pendakwaan. Sistem pangkalan data holistik akan dibangunkan untuk merekodkan pergerakan kertas siasatan iaitu bermula daripada aduan yang diterima, pendaftaran kertas siasatan sehingga penyelesaian proses pendakwaan. Sistem ini akan membantu pengurusan atasan dalam memantau secara teliti tentang status bagi setiap kertas siasatan.



Carta 2: Bilangan kertas siasatan bagi seksyen di bawah Akta 655

2. Pemantapan Tadbir Urus

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebagai sebuah badan kawal selia industri perkhidmatan air amat komited dalam usaha memastikan tadbir urus terbaik ke arah pengawalseliaan yang adil, berkesan dan telus. SPAN amat komited untuk:

- mewujudkan budaya berintegriti dan mempraktikkan tadbir urus terbaik dalam urusan kawal selia;
- memastikan warga SPAN dan pihak yang dikawal selia mematuhi undang-undang serta peraturan, pekeliling, dasar dan kod etika sedia ada dalam memerangi rasuah;
- menggalakkan pelaporan mengenai aktiviti rasuah serta salah guna kuasa menerusi Polisi Pemberi Maklumat (Whistleblowing Policy) serta memberikan perlindungan kepada pemberi maklumat;
- mengambil tindakan ke atas mana-mana warga SPAN yang tidak mematuhi dasar, polisi dan melanggar undang-undang antirasuah selaras dengan undang-undang yang berkuat kuasa;
- melaksanakan Sistem Pengurusan Antirasuah MS ISO 37001 dan sentiasa menggalakkan penambahbaikan polisi dan prosedur antirasuah dan integriti yang berterusan; dan
- menyokong lain-lain peranan pengurusan ke arah mencegah dan mengesan perlakuan rasuah tertakluk kepada bidang tanggungjawab.

Bagi menyokong komitmen ini, pelbagai inisiatif telah dirancang oleh SPAN antaranya:

a. Polisi Integriti dan Antirasuah

Polisi Integriti dan Antirasuah ini dibangunkan sebagai panduan untuk mengendali, melaksana dan mentadbir urus perkara berkaitan integriti dan antirasuah. Polisi ini menggariskan prinsip, garis panduan dan keperluan dalam menangani amalan rasuah serta salah guna kuasa di samping meningkatkan kesedaran di kalangan warga kerja SPAN berkenaan kepentingan integriti dalam industri perkhidmatan air yang turut merangkumi pihak yang dikawal selia seperti pemegang lesen, pemegang permit dan pembekal.

b. Pelan Antirasuah SPAN 2021 – 2025 (SACP 2021 – 2025)

Pelan Antirasuah SPAN 2021 – 2025 merupakan dokumen utama di peringkat organisasi yang bertujuan menangani permasalahan dan kelemahan tadbir urus, integriti dan antirasuah bagi menjadikan SPAN sebagai sebuah badan kawal selia yang adil, berkesan dan telus dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab mengawal selia industri perkhidmatan air. Pelan ini dibangunkan berdasarkan kepada empat (4) bidang keutamaan yang merangkumi 12 objektif strategik dan 60 inisiatif seperti Jadual 3. Inisiatif ini sentiasa dipantau bagi memastikan pelaksanaan mengikut jadual yang telah dirancang.

Bil	Bidang Keutamaan	Strategi Utama	Objektif	Inisiatif
1	Tadbir Urus dan Perundangan	Memupuk pengamalan tadbir urus baik dan memperkasakan perundangan yang komprehensif bagi meningkatkan integriti, kredibiliti dan akauntabiliti	3	12
2	Pengurusan Teknikal dan Operasi	Mempertingkatkan ketelusan dan kecekapan kecekapan dalam pengoperasian	4	17
3	Penguatkuasaan	Memantapkan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan dan pendakwaan	2	8
4	Pengurusan Korporat dan Pentadbiran	Mempertingkatkan ketelusan perolehan dan meningkatkan kompetensi pengamalan profesionalisme pegawai serta ketelusan pentadbiran	3	23
Jumlah			12	60

Jadual 3: Empat (4) bidang keutamaan dalam Pelan Antirasuah SPAN 2021 – 2025

c. Rangka Kerja Integriti dan Antirasuah bagi Pemegang Lesen dan Agensi Perakuan

Komitmen SPAN dalam memastikan pengamalan tadbir urus yang terbaik di dalam industri perkhidmatan air turut diterjemahkan dengan pembangunan Rangka Kerja Integriti dan Antirasuah bagi Pemegang Lesen dan Agensi Perakuan (Rangka Kerja Integriti) bagi membantu pemegang Lesen Individu dan Agensi Perakuan dalam melaksanakan polisi, prosedur dan langkah kawalan berkaitan integriti dan antirasuah yang bersesuaian dengan penguatkuasaan seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) iaitu berhubung liabiliti korporat.

d. Polisi dan Garis Panduan ke atas Surat Sokongan

Polisi dan Garis Panduan ke atas Surat Sokongan ini dibangunkan bertujuan untuk menerangkan kepada warga kerja SPAN berhubung dasar dan tindakan berkenaan pengurusan pengaruh luar dan surat sokongan yang diterima daripada pemimpin kerajaan, individu berpengaruh, rakan niaga atau pemegang taruh ataupun mana-mana individu atau organisasi mengenai sesuatu urusan yang mempunyai elemen kepentingan peribadi.

e. Kod Etika Pegawai SPAN

Kod Etika pegawai SPAN telah dibangunkan sebagai usaha untuk menerapkan nilai-nilai murni dan menggariskan kehendak yang perlu dipatuhi oleh warga kerja SPAN dalam memastikan kelakuan pekerja semasa bertugas sentiasa selaras dengan kehendak SPAN demi mewujudkan perkhidmatan yang berintegriti, berprestasi tinggi dan berkualiti. Semua warga kerja SPAN adalah dikehendaki menghayati dan mengamalkannya bagi membina imej dan reputasi SPAN sebagai sebuah badan kawal selia yang berintegriti.

f. Kod Etika Suruhanjaya

Pembangunan Kod Etika Suruhanjaya merupakan salah satu inisiatif SPAN dalam mencapai objektif yang telah ditetapkan di dalam Pelan Antirasuah SPAN 2021 – 2025 (SACP 2021 – 2025) iaitu “Meningkatkan Integriti dalam menjalankan tanggungjawab bagi melindungi kepentingan SPAN”. Pembangunan Kod Etika Suruhanjaya ini adalah bagi meningkatkan imej serta membina kepercayaan terhadap SPAN dalam usaha membudayakan integriti dan kebertanggungjawaban khusus untuk Anggota Badan Pentadbir.

g. Garis Panduan Konflik Kepentingan

Dalam menjalankan tanggungjawab pengawalseliaan, SPAN dan warganya adalah terdedah kepada pelbagai risiko yang boleh menyumbang kepada perlakuan rasuah. Selain risiko kelemahan tadbir urus, konflik kepentingan juga penyumbang utama terhadap perlakuan rasuah. Garis panduan ini adalah sebagai panduan bagi menguruskan konflik kepentingan di SPAN yang memperuntukkan kewajipan warga kerja SPAN berhubung penzahiran sebarang konflik kepentingan yang wujud dengan pihak yang dikawal selia oleh SPAN termasuklah pemilikan kepentingan dalam mana-mana organisasi di bawah kawal selia SPAN, ejen dilantik, vendor atau pembekal kepada SPAN atau kepentingan yang dimiliki oleh anggota keluarganya atau merupakan majikan kepada anggota keluarganya.

h. Polisi Pemberi Maklumat

Pembangunan Polisi Pemberi Maklumat ini ialah salah satu komitmen SPAN dalam menyediakan satu saluran dan mekanisme kepada pemberi maklumat untuk membuat pelaporan secara berstruktur kepada SPAN bagi menjamin identiti pemberi maklumat dilindungi dan dirahsiakan. Ia juga bagi menggalakkan serta memberi kemudahan kepada semua pihak terlibat untuk mendedahkan mengenai sebarang kelakuan tidak wajar (*improper conduct*). Selain itu, ia menetapkan jaminan kepada pemberi maklumat daripada tindakan yang memudaratkan (*detrimental action*) dengan pendekatan dan mengikut kaedah yang bersesuaian dengan pendedahan tersebut. Selain melindungi pemberi maklumat dari sebarang tindakan balas akibat dari pendedahan yang dibuatnya, ia juga melindungi maklumat peribadi pihak berkaitan selain untuk berlaku adil terhadap pemberi maklumat dan pihak yang dilaporkan.

i. Sistem Pengurusan Antirasuah (MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management Systems [ABMS])

Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) merupakan satu kaedah sistematik berdasarkan amalan terbaik dalam menguruskan program pencegahan rasuah. Ia merupakan salah satu inisiatif yang dinyatakan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023 yang mengehendaki agensi kerajaan melaksanakan pensijilan ABMS yang mana SPAN telah berjaya memperoleh pensijilan MS ISO 37001:2016 ABMS sejak Jun 2021.

Sistem Pengurusan Antirasuah merangkumi kaedah pencegahan termasuk mengadakan rangka kerja antirasuah, penilaian risiko rasuah, pemantauan, pelaporan dan tindakan pencegahan oleh pengurusan atasan. Skop utama Sistem Pengurusan Antirasuah adalah:

- Pendaftaran Lesen Kelas
- Permohonan Permit B, C, D dan E
- Pendaftaran Produk dan Pembekal
- Pendaftaran Orang yang Berkelayakan
- Aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta 655
- Pengurusan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan (KWSMP)
- Pengurusan Rayuan Teknikal

Sepanjang 2023, pelbagai inisiatif untuk memantapkan agenda integriti dan kefahaman warga kerja SPAN serta penggiat industri perkhidmatan air negara melalui program yang berikut.

- Pelaksanaan Audit Dalaman MS ISO 37001:2016 ABMS;
- SPAN telah berjaya mendapatkan perlanjutan pensijilan tahun kedua MS ISO 37001:2016 ABMS daripada SIRIM melalui Pengauditan Pematuhan (*Surveillance Audit*) oleh SIRIM pada 19 hingga 21 Jun 2023;
- Pemerkasaan struktur pengurusan integriti melalui penstrukturan Bahagian Audit Dalam dan Integriti kepada Bahagian Audit Dalam dan Bahagian Integriti dan Pengurusan Risiko pada Jun 2023;
- Pelaksanaan aktiviti Rangka Kerja Integriti dan Antirasuah Pemegang Lesen dan Agensi Perakuan ke atas tiga (3) operator air iaitu Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP), Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU) dan Ranhill SAJ Sdn Bhd (RSAJ);
- Aktiviti pengukuhan integriti dan pendedahan turut diperhebat melalui pelaksanaan:-
 - o Program Bicara Integriti dan Antirasuah dan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) di kesemua Pejabat Wilayah dan Pejabat Cawangan SPAN.
 - o Sesi lawatan ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia di Johor dan Terengganu.
- Pembangunan rangka kerja Pelan Pengurusan Risiko Organisasi SPAN yang merangkumi polisi dan prosedur Pengurusan Risiko; dan
- Program latihan dan kesedaran kepada warga kerja SPAN dan pihak yang dikawal selia.



PENGURUSAN KANAN

- 28** PENGURUSAN KANAN
- 29** STRUKTUR ORGANISASI
- 30** CARTA ORGANISASI
- 32** FUNGSI JABATAN, BAHAGIAN DAN UNIT DI BAWAH SPAN



PENGURUSAN KANAN



1. Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman
(Ketua Pegawai Eksekutif)

2. Dato' Ir. Mohd Shukri bin Abdul Razik

3. Ir. Muhamad Sobri bin Zakaria

4. Zarina binti Sulieman

5. Sujatha Nair

6. Norhisham bin Sahlan

7. Ir. Mohd Jalaludin Sulaiman

8. Kirupakaran a/I Visuvalingam

9. Mohammad Nasir bin Mahmood

10. Noorhashim bin Baron

11. Bukhari bin Abdul Rahman

12. Izan Aziati binti Samsuri

13. Mohd Suhairy bin Zakaria

STRUKTUR ORGANISASI

Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan pengurusan keseluruhan serta urusan hal-ehwal harian Suruhanjaya. Struktur organisasi dibahagikan kepada tiga (3) fungsi utama iaitu kawal selia, undang-undang dan penguatkuasaan dan khidmat sokongan.




Jabatan dan bahagian di bawah fungsi-fungsi tersebut bertanggungjawab melaksanakan visi dan misi Suruhanjaya iaitu mengawal selia industri perkhidmatan air di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Terdapat empat (4) pejabat wilayah bagi membantu Suruhanjaya dalam melaksanakan pelbagai fungsinya. Pejabat-pejabat Wilayah ini terletak di Seberang Prai bagi Wilayah Utara, Cyberjaya bagi Wilayah Tengah, Johor Bahru untuk Wilayah Selatan dan Kuala Terengganu untuk Wilayah Timur. Empat (4) pejabat cawangan juga diwujudkan di Ipoh, Melaka, Kuantan dan Kota Bharu bagi membantu menjalankan fungsi yang dilaksanakan oleh Pejabat Wilayah Utara, Selatan dan Timur. Jadual 4 menunjukkan kawasan-kawasan pentadbiran pejabat-pejabat wilayah serta cawangan SPAN:

Pejabat Wilayah	Negeri/Wilayah Persekutuan
Wilayah Utara	Perlis, Kedah dan Pulau Pinang
Wilayah Tengah	Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan
Wilayah Timur	Terengganu
Wilayah Selatan	Johor dan Negeri Sembilan
Cawangan Ipoh (Utara)	Perak
Cawangan Melaka (Selatan)	Melaka
Cawangan Kuantan (Timur)	Pahang
Cawangan Kota Bharu (Timur)	Kelantan

Jadual 4: Pejabat Wilayah dan Cawangan SPAN

CARTA ORGANISASI



Carta 3: Carta Organisasi

FUNGSI KAWAL SELIA

BAHAGIAN AUDIT DALAM

PENGARAH
Dr. Abrari Salleh
Hani Hussain



FUNGSI UNDANG-UNDANG &
PENGUATKUASAAN

FUNGSI KHIDMAT SOKONGAN

FUNGSI JABATAN, BAHAGIAN DAN UNIT DI BAWAH SPAN



A. FUNGSI PENGAWALSELIAN

i. Jabatan Kawal Selia Air dan Pembetulan

a. Bahagian Standard Teknikal dan Pematuhan

- 💧 Membangun dan mengkaji semula dasar dan strategi
- 💧 Membangun dan mengkaji semula reka bentuk kejuruteraan dan standard pembinaan
- 💧 Membangun, mengumpul, menyusun dan mendokumentasikan standard teknikal
- 💧 Meluluskan dan menyemak reka bentuk dan spesifikasi kerja
- 💧 Membangunkan peraturan-peraturan dan garis panduan tentang perkhidmatan air
- 💧 Membangunkan kod amalan
- 💧 Menetapkan dan memantau Petunjuk Prestasi Utama (teknikal)
- 💧 Pensijilan dan latihan bagi kontraktor dan tukang paip
- 💧 Melantik Orang Yang Berkelayakan
- 💧 Semakan semula pematuhan
- 💧 Audit ke atas Agensi Perakuan
- 💧 Audit ke atas operator air
- 💧 Penanda aras (teknikal)

b. Bahagian Sumber dan Perancangan Tadahan

- 💧 Pelan pengurusan dan penggantian aset
- 💧 Membangun dan mengkaji semula perancangan sumber air
- 💧 Pengurusan Kumpulan Wang Industri Air
- 💧 Memantau kewajiban sosial dalam menyediakan bekalan air di kawasan luar bandar
- 💧 Menilai ketersediaan air mentah dan lokasi
- 💧 Menyemak dan menilai Pelan Tadahan Pembetulan
- 💧 Menyemak semula Pelan Pengurusan Alam Sekitar
- 💧 Menilai keselamatan empangan dan tadahan sumber air
- 💧 Menyemak semula pelan tindakan bencana (termasuk operator kepada pengguna)

ii. Bahagian Pembangunan dan Audit Industri

a. Pembangunan Industri

- 💧 Membangun standard dan garis panduan produk-produk
- 💧 Pendaftaran pembekal dan produk
- 💧 Mempromosikan skim kecekapan produk
- 💧 Melaksanakan audit ke atas produk dan bahan
- 💧 Pembangunan kapasiti dan kecekapan industri
- 💧 Pembangunan manual yang berkompetensi

b. Audit Industri

- 💧 Audit tematik ke atas aktiviti berimpak tinggi bagi pemegang lesen dan operator yang diberi kuasa, iaitu:
 - ➔ Permintaan dan Pembekalan air
 - ➔ Pengurusan Air Tidak Terhasil (NRW)
 - ➔ Pengurusan Pengebilan
 - ➔ Pengurusan Perbelanjaan Modal (CAPEX)
 - ➔ Pengurusan Aset
 - ➔ Petunjuk Prestasi Utama
 - ➔ Audit bukan teknikal (kecekapan pungutan, pungutan hutang dan nisbah operasi)

iii. Bahagian Pelesenan dan Tarif

- 💧 Rundingan semula dengan pemegang perjanjian konsesi air utama
- 💧 Mengkaji semula, menyelaraskan dan memantau pelan migrasi
- 💧 Mengkaji semula pelan penstrukturan semula
- 💧 Menyemak semula model kewangan
- 💧 Mengkaji semula Akaun Kawal Selia Industri Air (WIRA)
- 💧 Kumpulan Wang Industri Air
- 💧 Mekanisme penilaian dan penetapan tarif
- 💧 Semakan tarif
- 💧 Penilaian pelan perniagaan Lesen Individu dan melaksanakan audit (kewangan)
- 💧 Penetapan dan pemantauan Petunjuk Prestasi Utama (kewangan)
- 💧 Membangun dan menyemak semula rangka kerja kawal selia (kewangan)
- 💧 Pungutan fi

iv. Bahagian Operasi Wilayah (Tengah/ Utara/ Selatan/ Timur)

- 💧 Pemantauan kualiti air
- 💧 Pemantauan dan penguatkuasaan
- 💧 Menguruskan aduan
- 💧 Audit Operasi
- 💧 Memproses permohonan Permit (pengeluaran dan pembaharuan)
- 💧 Mengumpul dan menganalisis data daripada Agensi Perakuan (CA) dan operator air
- 💧 Menghubung dan berurusan dengan agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri
- 💧 Kutipan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan (KWSMP)
- 💧 Mengurus Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan
- 💧 Mengkaji dan menilai cadangan projek untuk dilaksanakan di bawah KWSMP
- 💧 Menyemak semula dan menilai permohonan *offset*



B. FUNGSI UNDANG-UNDANG DAN PENGUATKUASAAN

i. Bahagian Penguatkuasaan

- Menjalankan penguatkuasaan dan siasatan ketidakpatuhan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655)
- Menjalankan pemeriksaan ketidakpatuhan
- Melaksanakan serbuan
- Menyediakan kertas siasatan
- Tindakan susulan ke atas ketidakpatuhan daripada audit dan aduan
- Memastikan pematuhan undang-undang secara betul
- Mengeluarkan kompaun
- Menguruskan aduan

ii. Bahagian Undang-Undang dan Perkhidmatan Urus setia

- Memberi khidmat nasihat undang-undang
- Menggubal perundangan subsidiari
- Menyemak kontrak dan perjanjian
- Menyemak perjanjian konsesi
- Menyelaraskan Mesyuarat Suruhanjaya dan Mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa
- Menyediakan dan mengemaskinikan rekod atau dokumen urus setia
- Menyelaraskan keputusan pekeliling mengenai perkara yang memerlukan tindakan segera
- Menasihatkan atau mengemaskinikan keputusan Suruhanjaya kepada pengurusan

iii. Bahagian Pendakwaan

- Menjalankan pendakwaan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655)
- Menyediakan saksi untuk perbicaraan



C. FUNGSI KHIDMAT SOKONGAN

i. Bahagian Pengurusan Korporat

a. Kewangan dan Perolehan

- Laporan Kewangan
- Belanjawan
- Pemiutang dan Penghutang
- Perbendaharaan
- Pengurusan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (KWSMP)
- Percukaian
- Aktiviti perolehan

b. Modal Insan

- Pengambilan kakitangan
- Kemudahan dan faedah
- Pengurusan gaji
- Latihan dan pembangunan
- Tatatertib
- Penilaian prestasi

i. Bahagian Pengurusan Korporat

c. Korporat Komunikasi dan Hal Ehwal Pengguna

- 💧 Komunikasi dalaman
- 💧 Komunikasi luaran
- 💧 Pengurusan acara
- 💧 Bahan bercetak
- 💧 Memantau aktiviti Forum Air

ii. Bahagian Khidmat Sokongan

- 💧 Perancangan dan penilaian infrastruktur IT
- 💧 Perolehan dan pemasangan
- 💧 Pentadbiran sistem
- 💧 Akses dan keselamatan
- 💧 Pemulihan bencana
- 💧 Menguruskan aset IT dan inventori
- 💧 Pemantauan dan penyelesaian masalah
- 💧 Penyelenggaraan dan sokongan
- 💧 Pengurusan aset dan pengurusan kemudahan pejabat

iii. Bahagian Audit Dalam

- 💧 Membantu pengurusan melalui pengauditan dan pelaporan yang telus
- 💧 Melaksana audit atau siasatan khas dalam aktiviti-aktiviti utama SPAN
- 💧 Memastikan tadbir urus SPAN mengikut peraturan, pekeliling dan garis panduan
- 💧 Menilai dan memberikan nasihat untuk polisi, sistem, proses dan prosedur
- 💧 Mengurus aktiviti Sistem Pengurusan Bersepadu (IMS) bagi ISO SPAN

iv. Bahagian Integriti dan Pengurusan Risiko

- 💧 Memantau pelan integriti SPAN
- 💧 Polisi pemberi maklumat
- 💧 Menguruskan aduan berkaitan integriti
- 💧 Mengenal pasti dan menentukan isu integriti
- 💧 Memperkukuhkan integriti dan memperkasakan tadbir urus
- 💧 Pengurusan Risiko Organisasi
- 💧 Menguruskan MS ISO 37001:2016 *Anti Bribery Management System*

v. Bahagian Perancangan Strategik

- 💧 Perancangan strategik SPAN
- 💧 Kad skor korporat
- 💧 Penetapan dan pemantauan Petunjuk Prestasi Utama
- 💧 Pengumpulan dan analisis data air dan pembeda
- 💧 Menguruskan pangkalan data operasi dan penyelenggaraan
- 💧 Menyediakan Laporan Prestasi Industri Air kepada Menteri
- 💧 Memimpin dan menguruskan faktor berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG)
- 💧 Laporan Kemampanan

LAPORAN SURUHANJAYA





LAPORAN SURUHANJAYA

(A) KEMAJUAN DALAM REFORMASI PERKHIDMATAN AIR

(i) Status Penstrukturan Industri Bekalan Air

Pembaharuan yang dilaksanakan dalam industri perkhidmatan air bertujuan untuk memastikan kemapanan jangka panjang dan penyediaan perkhidmatan berkualiti kepada pengguna. Kerajaan Persekutuan telah menetapkan hala tuju dasar untuk penstrukturan semula berdasarkan model aset ringan (*asset light model*) yang mana operator air akan memindahkan aset air dan liabiliti berkaitan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). PAAB kemudiannya akan memajakkan semula aset tersebut kepada operator air pada kadar yang berpatutan untuk pengendalian dan penyenggaraan.

Kerajaan Persekutuan juga telah membenarkan operator air yang cekap dan berdaya maju dari segi kewangan, untuk beroperasi sebagai *partial asset light* dan mereka dijangka mencapai pemulihan kos penuh lebih awal daripada operator air lain. Model pembiayaan direka bentuk bagi membantu operator air untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan dengan memberi tumpuan kepada operasi, meningkatkan kecekapan dan mencapai keberkesanan kos di mana perbelanjaan modal (CAPEX) akan dibiayai oleh PAAB pada kos pembiayaan yang kompetitif.

Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 10 negeri iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Selangor, Pahang, Kedah dan Perlis telah menyelesaikan penstrukturan semula dan menandatangani perjanjian pemindahan aset dengan PAAB. Sebaliknya, Kerajaan Negeri Terengganu telah memutuskan untuk tidak berhijrah ke rejim aset ringan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Terengganu telah memberi mandat kepada Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU) untuk mengambil tanggungjawab sebagai pemilik sistem bekalan air awam di Terengganu dan mematuhi keperluan berkaitan yang dinyatakan dalam Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) dan perundangan subsidiarinya.

Bagi Wilayah Persekutuan (WP) Labuan, SPAN bagi pihak Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) (dahulunya dikenali sebagai Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim) telah melantik perunding untuk melakukan kajian usaha wajar bagi penubuhan satu entiti yang boleh menyediakan perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetulan di WP Labuan. Kajian ini akan melihat kepada penilaian komprehensif yang akan merangkumi aspek dasar dan operasi, perundangan, aset dan liabiliti, perkhidmatan, kakitangan, serta model perniagaan dan kewangan. Hasil kajian juga akan mengenal pasti pemegang lesen bekalan air dan pembetulan masa depan untuk WP Labuan. Tempoh awal kajian ini adalah selama enam (6) bulan bermula dari 5 Januari 2022 hingga 5 Julai 2022. Walau bagaimanapun, tempoh kajian kemudiannya dilanjutkan untuk kali ke-empat kepada 29 Mac 2024 untuk semakan yang lebih holistik dan komprehensif terhadap cadangan kajian dan cadangan oleh perunding yang dilantik atas permintaan PETRA dan SPAN.

Secara keseluruhan, terdapat 11 operator air yang telah berhijrah ke rejim pelesenan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655). Baki satu operator iaitu Bahagian Bekalan Air Labuan diberi pemberikuasaan di bawah seksyen 188, Akta 655 untuk tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023 bagi menyediakan perkhidmatan bekalan air di WP Labuan.

(ii) Migrasi ke Rejim Pelesenan

(a) Lesen Individu

Seksyen 4 Akta 655 memperuntukkan bahawa:

- pemilik sistem bekalan air dan pembetulan awam hendaklah mendapatkan suatu Lesen Individu (Kemudahan); dan
- operator sistem bekalan air dan pembetulan awam hendaklah mendapatkan suatu Lesen Individu (Perkhidmatan).

Jenis Lesen	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	Jumlah
Kemudahan	1	0	1	1	0	0	0	1	0	2	1	2	0	1	0	10
Perkhidmatan	3	3	3	5	1	1	0	3	2	0	4	5	0	2	0	32
Jumlah	4	3	4	6	1	1	0	4	2	2	5	7	0	3	0	42

Jadual 5: Jumlah Pemegang Lesen Individu (Kemudahan) dan Pemegang Lesen Individu (Perkhidmatan) (selain pembaharuan) yang diberikan bermula pada tahun 2009 hingga 2023

Pada tahun 2023, tiada permohonan baru lesen individu dikemukakan dan hanya enam (6) pembaharuan lesen individu diterima seperti mana dalam Jadual 6.

Bil	Pemegang Lesen	Negeri	Jenis Lesen	Skop Lesen	Tempoh Lesen
1	Bekalan Air KIPC Sdn Bhd	Terengganu	Kemudahan (Pembaharuan kali pertama)	Memiliki sistem bekalan air awam atau mana-mana bahagian daripada sistem tersebut di Kerteh Integrated Petrochemical Complex (KIPC)	1 Januari 2023 – 31 Disember 2025
			Perkhidmatan (Pembaharuan kali pertama)	Mengusahakan, menyedia atau mengadakan apa-apa perkhidmatan bekalan air atau sebahagian daripada perkhidmatan itu dengan cara mengendalikan suatu sistem bekalan air awam di Kerteh Integrated Petrochemical Complex (KIPC)	1 Januari 2023 – 31 Disember 2025
2	TRX Clean Water Sdn Bhd	Kuala Lumpur	Kemudahan (Pembaharuan kali pertama)	Memiliki sistem pembetulan awam atau mana-mana bahagian daripada sistem tersebut di Tun Razak Exchange (TRX)	1 Januari 2023 – 31 Disember 2025


Bil	Pemegang Lesen	Negeri	Jenis Lesen	Skop Lesen	Tempoh Lesen
3	Veolia Water Technologies Services IWK Sdn Bhd	Kuala Lumpur	Perkhidmatan (Pembaharuan kali pertama)	Mengendali dan menyenggara Loji Rawatan Kumbahan Tun Razak Exchange (TRX)	1 Januari 2023 – 31 Disember 2025
4	Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd	Pulau Pinang	Kemudahan (Pembaharuan kali keempat)	Memiliki sistem bekalan air awam atau apa-apa bahagian daripada sistem tersebut di Pulau Pinang	1 Januari 2023 – 31 Disember 2026
			Perkhidmatan (Pembaharuan kali keempat)	Mengusahakan, menyedia atau mengadakan apa-apa perkhidmatan bekalan air atau sebahagian daripada perkhidmatan itu dengan cara mengendalikan suatu sistem bekalan air awam di Pulau Pinang	1 Januari 2023 – 31 Disember 2026
5	Prisma Karun Sdn Bhd	Perlis	Perkhidmatan (Pembaharuan kali kedua)	Mengendali dan menyenggara Loji Rawatan Air Sungai Baru	1 Januari 2023 – 31 Mac 2024
6	Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd	Terengganu	Perkhidmatan (Pembaharuan kali keempat)	Mengusahakan, menyedia atau mengadakan apa-apa perkhidmatan bekalan air atau sebahagian daripada perkhidmatan itu dengan cara mengendalikan suatu sistem bekalan air awam di Terengganu	1 Januari 2023 – 31 Disember 2026

Jadual 6: Lesen Individu yang dikeluarkan pada 2023




(b) Lesen Kelas

Seksyen 20 Akta 655 menghendaki seseorang memegang Lesen Kelas (Kemudahan) bagi membolehkan mereka memiliki sistem bekalan air persendirian atau sistem pembetulan persendirian. Manakala seseorang yang mengusahakan, menyediakan atau mengadakan apa-apa perkhidmatan bekalan air persendirian atau perkhidmatan pembetulan persendirian hendaklah memegang Lesen Kelas (Perkhidmatan). Carta 4 menunjukkan bilangan Lesen Kelas (Kemudahan) yang diluluskan dari tahun 2019 hingga 2023. Jumlah Lesen Kelas (Kemudahan) yang diluluskan pada tahun 2023 ialah sebanyak 622 untuk sistem bekalan air persendirian dan sistem pembetulan persendirian.



Carta 4: Lesen Kelas (Kemudahan) yang diluluskan dari tempoh 2019 hingga 2023

Bilangan Lesen Kelas (Perkhidmatan) yang diluluskan dari tahun 2019 hingga 2023 ditunjukkan di dalam Carta 5. Sebanyak 616 Lesen Kelas (Perkhidmatan) telah diluluskan pada tahun 2023 untuk pengagihan air, rawatan air dan perkhidmatan pembetulan.



Carta 5: Lesen Kelas (Perkhidmatan) yang diluluskan dari tempoh 2019 hingga 2023

(c) Permit

Seksyen 50 Akta 655 memperuntukkan bahawa seseorang yang berhasrat untuk menjalankan kerja berkaitan bekalan air atau sistem pembetungan hendaklah memiliki salah satu daripada permit berikut daripada SPAN.

Jenis Permit	Butiran Kerja
A1	Bagi menjalankan apa-apa pembinaan, penyambungan, pengubahsuaian atau pembaikan seksyen paip air perkhidmatan selepas titik meter dan perpaipan dalaman.
A2	Bagi menjalankan apa-apa pembinaan, penyambungan, pengubahsuaian atau pembaikan sistem bekalan air sebagaimana yang dinyatakan di bawah kategori Jenis A1 di atas, dan paip perhubungan.
B	Bagi menjalankan apa-apa kerja yang perlu untuk menyambungkan suatu sambungan persendirian kepada suatu pembetungan atau tempat merawat kumbahan.
C1	Untuk menjalankan apa-apa pembinaan dan pemasangan, atau pengubahsuaian kepada mana-mana bahagian sistem bekalan air atau sistem pembetungan untuk tender atau projek atau kerja melebihi RM10,000,000.
C2	Untuk menjalankan apa-apa pembinaan dan pemasangan, atau pengubahsuaian kepada mana-mana bahagian sistem bekalan air atau sistem pembetungan untuk tender atau projek atau kerja melebihi RM3,000,000 tetapi tidak melebihi RM10,000,000.
C3	Untuk menjalankan apa-apa pembinaan dan pemasangan, atau pengubahsuaian kepada mana-mana bahagian sistem bekalan air atau sistem pembetungan untuk tender atau projek atau kerja melebihi RM200,000 tetapi tidak melebihi RM3,000,000.
C4	Untuk menjalankan apa-apa pembinaan dan pemasangan, atau pengubahsuaian kepada mana-mana bahagian sistem bekalan air atau sistem pembetungan untuk tender atau projek atau kerja tidak melebihi RM200,000.
D	Menjalankan perkhidmatan penyenggaraan bagi suatu sistem bekalan air atau sistem pembetungan tetapi yang tidak melibatkan pengendalian sistem tersebut.
E	Mengusaha, menyedia atau mengadakan perkhidmatan penyahenap cemar atau apa-apa perkhidmatan pembetungan yang lain.

Jadual 7: Jenis Permit

Tujuan pengeluaran permit adalah untuk memastikan kerja-kerja dilaksanakan oleh kontraktor dan tukang paip yang berwibawa serta menepati kualiti dan piawaian yang ditetapkan. Jumlah permohonan permit yang diluluskan dari tahun 2014 hingga 2023 ialah sebanyak 92,496. Pada tahun 2023, sejumlah 8,633 permohonan permit telah diluluskan. Daripada jumlah itu, 8,140 permit telah dikeluarkan kepada pemohon. Sijil permit hanya akan dikeluarkan kepada pemohon setelah SPAN menerima fi permit dalam tempoh 30 hari dari tarikh kelulusan. Walau bagaimanapun, untuk Permit IPA Jenis A, fi permit perlu dibayar semasa permohonan dikemukakan.



Jenis permit	Bilangan Permit Diluluskan	Bilangan Permit Dikeluarkan
A1	784	784
A2	917	917
B	461	401
C1 – Bekalan Air	371	362
C1 – Pembetulan	315	299
C2 – Bekalan Air	268	263
C2 – Pembetulan	158	149
C3 – Bekalan Air	753	735
C3 – Pembetulan	595	560
C4 – Bekalan Air	646	635
C4 – Pembetulan	444	416
D – Bekalan Air	1,427	1,264
D – Pembetulan	1,384	1,252
E	110	103
Jumlah	8,633	8,140

Jadual 8: Permit yang Diluluskan dan Dikeluarkan pada tahun 2023

(d) Pemberikuasaan

Pemberikuasaan untuk beroperasi diperuntukkan di bawah seksyen 188, 189, 191 dan 192 Akta 655. Pemberikuasaan ini diberikan kepada operator yang masih belum berhijrah ke rejim pelesenan atas pelbagai sebab. Sebagai contoh, Bahagian Bekalan Air Labuan (BBAL) telah diberi kuasa di bawah seksyen 188 Akta 655 untuk tempoh 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023 untuk melaksanakan tanggungjawabnya dalam menyediakan perkhidmatan bekalan air di Wilayah Persekutuan (WP) Labuan. BBAL akan terus diberi kuasa sehingga selesai kajian usaha wajar yang sedang dijalankan yang bertujuan untuk mengenal pasti pemegang lesen bekalan air dan pembetulan masa depan untuk WP Labuan.



**SEKSYEN 188, 189,
191 DAN 192
AKTA 655**

Pada tahun 2023, Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) kekal sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) tunggal di negeri Johor yang diberi kuasa di bawah seksyen 189 Akta 655 untuk memiliki sistem pembetulan awam dan menyediakan perkhidmatan pembetulan di Bandar Tenggara, Johor. Kebenaran yang diberikan kepada PBT lain di negeri Johor telah berakhir pada November 2021 berikutan selesainya penyerahan sistem pembetulan awam kepada IWK sementara proses penyerahan oleh MDKT masih berjalan. Kebenaran yang diberikan di bawah seksyen 188 dan 189 pada 31 Disember 2023 ditunjukkan dalam Jadual 9.

Bil	Kategori	Perkhidmatan Bekalan Air	Perkhidmatan Pembentungan	Jumlah	Operator
1	Pemberikuasaan kepada agensi/ jabatan/ lembaga air atau pihak berkuasa air di bawah seksyen 188	1	-	1	Bahagian Bekalan Air Labuan
2	Pemberikuasaan kepada pihak berkuasa tempatan untuk menyediakan perkhidmatan pembentungan di bawah seksyen 189	-	1	1	Majlis Daerah Kota Tinggi

Jadual 9: Pemberikuasaan di bawah Seksyen 188 dan 189 Akta 655 sehingga 31 Disember 2023

Operator yang diberi kuasa di bawah seksyen 192(5) Akta 655 akan terus beroperasi di bawah perjanjian konsesinya sehingga tamat tempoh seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 10.

Bil	Kategori	Perkhidmatan Bekalan Air	Jumlah	Operator	Tempoh Konsesi
1	Pemberikuasaan kepada pemegang konsesi di bawah seksyen 192(5)	1	1	Metropolitan Utilities Corporation Sdn Bhd	16 Julai 2014 – 31 Mac 2024

Jadual 10: Pemberikuasaan di bawah Seksyen 192(5) setakat 31 Disember 2023

(iii) Status Pelaksanaan Mekanisme Penetapan Tarif dan Semakan Semula Tarif Bekalan Air

Industri perkhidmatan bekalan air di Malaysia telah dibelenggu oleh ketidakupayaan atau keengganan untuk semakan semula tarif selama ini dan disebabkan itu, tarif yang dikenakan kepada pengguna masih rendah serta tidak menggambarkan kos sebenar pembekalan air oleh operator.

Negeri	Tahun terakhir semakan	Tempoh tarif tidak disemak (tahun)	Purata Tarif (RM/m ³)	Kedudukan berdasarkan tarif terendah
Pahang	1983	39	0.98	10
Perlis	1996	26	0.93	11
Terengganu	1997	25	0.86	12
Perak	2006	16	1.01	8
Selangor	2006	16	1.58	3
Kedah	2010	12	1.14	7
Kelantan	2013	9	1.21	6
Pulau Pinang	2015	7	1.00	9
Negeri Sembilan	2015	7	1.44	5
WP Labuan	2015	7	1.90	2

Negeri	Tahun terakhir semakan	Tempoh tarif tidak disemak (tahun)	Purata Tarif (RM/m ³)	Kedudukan berdasarkan tarif terendah
Johor	2015	7	2.19	1
Melaka	2016	6	1.54	4
Purata Tarif Keseluruhan pada 2022				RM1.43/m ³
Purata OPEX pada 2022				RM1.16/m ³
Purata Jumlah Kos (OPEX + CAPEX) pada 2022				RM1.75/m ³

Jadual 11: Tahun semakan tarif setiap negeri

Nota: OPEX adalah perbelanjaan mengurus manakala CAPEX adalah perbelanjaan modal

SPAN telah membangunkan Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) yang adil dan telus yang bertujuan untuk beralih ke arah pemulihan kos penuh industri perkhidmatan air serta memastikan pengguna hanya dikenakan tarif yang berdasarkan kos yang layak dan ditanda aras. Pelaksanaan TSM merangkumi tiga (3) komponen utama seperti berikut:

- Penyeragaman struktur tarif – untuk menyeragamkan struktur tarif sedia ada di semua negeri berdasarkan struktur seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 12.

Jalur Air (m ³)	Komponen Kos Tarif
Domestik	
0 – 20	OPEX + *Caj Elektrik
> 20 – 35	OPEX + CAPEX + *Caj Elektrik
> 35	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik + #Kos Alam Sekitar
Bukan Domestik	
0 – 35	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik
> 35	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik + #Kos Alam Sekitar
Kategori Khas	
Rumah Ibadat dan Institusi Kebajikan	OPEX + *Caj Elektrik
Domestik (Meter Pukal)	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik
Perkapalan	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang Dikawal Selia + *Caj Elektrik + #Kos Alam Sekitar

Jadual 12: Mekanisme Penetapan Tarif

Nota: *Caj Elektrik merupakan kos yang dilepaskan kepada pengguna bagi membolehkan operator untuk mengatasi perubahan kos tenaga elektrik. # Kos Alam Sekitar merupakan kos pemuliharaan Kawasan tadahan air. Kos ini belum diambil kira dalam pengiraan tarif di bawah TSM memandangkan mekanisme pelaksanaan sedang diperhalusi.

- b. Penyeragaman kaedah penetapan caj minimum – untuk menyeragamkan kaedah penetapan caj minimum untuk semua kategori tarif di semua negeri berdasarkan *consumption threshold* 10 m³; dan
- c. Pelarasan kadar tarif – untuk melaraskan kadar tarif di semua negeri secara serentak berdasarkan komponen kos tarif di bawah pelaksanaan TSM penuh dalam setiap tiga tahun. Walau bagaimanapun, dengan mengambil kira impak kenaikan kepada pengguna akibat pelaksanaan TSM penuh, pelarasan kadar tarif akan berdasarkan TSM separa.

Pada tahun 2023, PETRA dan SPAN telah merangka inisiatif bagi melaksanakan:

- a. pengenaaan caj elektrik dalam bil air dan pembetulan pengguna; dan
- b. kenaikan tarif berdasarkan TSM separa bagi kategori Domestik (Meter Individu) dan Domestik (Meter Pukul) di seluruh Semenanjung Malaysia dan WP Labuan.



Kos elektrik menyumbang sekurang-kurangnya 26% daripada kos operasi perkhidmatan bekalan air dan ia merupakan salah satu komponen kos terbesar yang perlu ditanggung oleh operator air. Dari tahun ke tahun, kos ini telah menunjukkan peningkatan yang ketara terutamanya disebabkan oleh pengenaaan surcaj *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) oleh syarikat pembekal tenaga elektrik dan surcaj ini tertakluk kepada semakan setiap 6 bulan bergantung kepada perubahan dan turun naik harga arang batu serta kos penjanaan tenaga elektrik.

Bagi membolehkan operator menghadapi kesan surcaj ICPT dalam kos elektrik mereka, SPAN telah memulakan rangka kerja ICPT di bawah struktur tarif TSM dan pembetulan. Dalam rangka kerja ini, surcaj ICPT yang akan dikenakan oleh syarikat pembekal tenaga elektrik kepada operator air dan pembetulan awam pada tahun sebelumnya akan dibenarkan untuk disalurkan kepada pengguna dalam bentuk caj elektrik yang terkandung dalam kadar tarif air. Pengiraan caj elektrik adalah dalam bentuk kadar rata bagi setiap meter padu air yang digunakan dan ia terpakai kepada semua golongan pengguna (domestik dan bukan domestik). Caj elektrik yang dikenakan berbeza-beza dari satu negeri ke negeri yang lain hasil daripada jumlah surcaj ICPT yang berbeza yang ditanggung oleh operator air masing-masing. Manakala bagi perkhidmatan pembetulan, caj elektrik hanya akan dikenakan kepada perkhidmatan bersambung berdasarkan hasil yang diterima operator. Caj elektrik adalah tertakluk kepada semakan secara tahunan oleh SPAN.

Sehubungan itu, SPAN juga telah menyediakan pelan komunikasi yang komprehensif dengan objektif untuk menyampaikan mesej strategik dan naratif yang konsisten tentang kenaikan tarif kepada orang ramai. Pelan komunikasi dilaksanakan dalam tiga (3) fasa iaitu sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan kenaikan tarif. Sepanjang pelaksanaan pelan komunikasi, pelbagai bahan komunikasi terdiri daripada maklumat grafik atau poster, video, soal selidik serta artikel telah dihasilkan dan disiarkan dalam saluran media pengiklanan, seperti media sosial dan portal dalam talian. Selain itu, sebagai sebahagian daripada aktiviti komunikasi, terdapat juga penglibatan libat urus bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan temu bual bersama wakil SPAN di televisyen untuk menyampaikan rasional serta keperluan untuk kenaikan tarif. Pelan komunikasi keseluruhan telah berjaya dilaksanakan dan berjaya meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kenaikan tarif yang akan berlaku.

Cadangan pelaksanaan TSM kemudiannya dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada 13 Disember 2023 di mana Jemaah Menteri telah meluluskan perkara berikut:

- a. pelaksanaan pelarasan tarif berdasarkan TSM separa bagi kategori Domestik (Meter Individu) dan Domestik (Meter Pukul) di seluruh Semenanjung Malaysia dan WP Labuan;
- b. pengenaaan caj elektrik sebagai sebahagian daripada kadar perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetulan bersambung di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan; dan
- c. pelarasan tarif bekalan air dan pengenaaan caj elektrik berkuat kuasa mulai 1 Februari 2024.

(iv) Semakan Tarif Perkhidmatan Pembetulan

Caj perkhidmatan pembetulan telah disemak dan dikuatkuasakan bermula 1 Oktober 2022 untuk perkhidmatan menyahenap cemar dan 1 Januari 2023 untuk perkhidmatan bersambung (premis domestik). Caj untuk premis domestik di bawah perkhidmatan bersambung akan dinaikkan secara berperingkat berkuat kuasa dari 1 Januari 2023 hingga 1 Januari 2026. Pada tahun 2023, caj perkhidmatan bersambung untuk premis domestik akan dinaikkan daripada RM6 kepada RM8 sebulan. Manakala bagi perkhidmatan menyahenap cemar untuk premis yang mempunyai tangki septik, caj akan dinaikkan di antara RM5 hingga RM8 sebulan bermula 1 Oktober 2022. Bagaimanapun, subsidi bersasar akan diberikan melalui rebat kepada mereka yang berdaftar di bawah program e-Kasih bagi mengurangkan beban orang ramai.



Perincian berkaitan caj perkhidmatan pembetulan adalah seperti mana yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Caj Perkhidmatan Pembetulan) 2022 seperti mana jadual yang berikut.

Butiran	Kategori	Perkhidmatan bersambung		Perkhidmatan nyah enap cemar	
		Caj (RM/bagi setiap bulan)		Caj (RM)	
1	Rumah kos rendah atau apa-apa rumah dengan nilai tahunan kurang daripada RM600.00 (termasuklah kuarters Kerajaan kategori F, G, H dan I sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang berkaitan)	Berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2023	2.00	Berkuat kuasa sehingga 30 September 2022	2.00 bagi setiap bulan
		Berkuat kuasa dari 1 Januari 2024	4.00	Berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	192.00 bagi setiap perkhidmatan
2	Rumah kediaman kampung, rumah kediaman kampung baru dan rumah kediaman estet	Berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2023	3.00	Berkuat kuasa sehingga 30 September 2022	3.00 bagi setiap bulan
		Berkuat kuasa dari 1 Januari 2024	5.00	Berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	192.00 bagi setiap perkhidmatan
3	Premis domestik selain yang dinyatakan dalam butiran (1), (2) dan (4)	Berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2022	8.00	Berkuat kuasa sehingga 30 September 2022	6.00 bagi setiap bulan
		Berkuat kuasa dari 1 Januari 2023	10.00		
		Berkuat kuasa dari 1 Januari 2024	12.00	Berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	192.00 bagi setiap perkhidmatan
		Berkuat kuasa dari 1 Januari 2026	15.00		

Butiran	Kategori	Perkhidmatan bersambung	Perkhidmatan nyah enap cemar	
		Caj (RM/bagi setiap bulan)	Caj (RM)	
4	Premis domestik dengan tangki septik yang tidak diluluskan	-	Bagi saiz tangki <2.5m ³ berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	260.00
			Bagi saiz tangki >2.5m ³ hingga 4.5m ³ berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	390.00
			Bagi saiz tangki >4.5 m ³ berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	390.00+ (130.00 bagi setiap penambahan m ³ saiz tangki)

Jadual 13: Caj Perkhidmatan Pembetulan Kategori Domestik

Berkuat kuasa 1 Oktober 2022, caj baru bagi perkhidmatan menyahenap cemar telah dilaksanakan iaitu caj menyahenap cemar tangki septik yang tidak diluluskan, caj perkhidmatan nyahenap cemar berulang atau tambahan dan caj pembatalan. Caj baru ini diperkenalkan untuk memudahkan pelaksanaan perkhidmatan menyahenap cemar secara berjadual sepertimana keperluan yang dinyatakan dalam Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Perkhidmatan Nyahenap Cemar) 2021 yang dikuatkuasakan pada Mac 2021.

Sementara itu, operator perkhidmatan pembetulan awam juga dibenarkan mengenakan caj minimum bagi premis tidak berpenghuni yang menerima perkhidmatan bersambung sama seperti perkhidmatan bekalan air berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2022.

Butiran	Kategori	Caj minimum (RM)
1	Premis domestik berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	i. Rumah kos rendah atau mana-mana rumah dengan nilai tahunan kurang daripada RM600.00 ii. Rumah kediaman kampung, rumah kediaman kampung baru dan rumah kediaman estet iii. Premis domestik selain yang dinyatakan dalam butiran (i) dan (ii) 50% daripada kadar caj semasa
2	Kuarters Kerajaan berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	i. Kategori F, G, H dan I sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang berkaitan ii. Kategori A, B, C, D dan E sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang berkaitan 50% daripada kadar caj semasa
3	Premis komersial berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	i. Nilai tahunan RM0 hingga RM2,000.00 ii. Nilai tahunan melebihi RM2,000.00 50% daripada kadar caj semasa 8.00
4	Premis perindustrian berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	8.00
5	Premis Kerajaan berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	8.00

Jadual 14: Caj minimum perkhidmatan bersambung

Butiran	Caj (RM / bagi setiap perkhidmatan)
Caj perkhidmatan nyah enap cemar berulang atau tambahan berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	192.00

Jadual 15: Caj Perkhidmatan Menyahenap Cemar Berulang atau Tambahan

Item	Caj (RM / bagi setiap perjalanan)
Caj pembatalan perkhidmatan nyah enap cemar berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	80.00

Jadual 16: Caj Pembatalan Perkhidmatan Menyahenap Cemar

Butiran terperinci berkaitan tarif pembetulan boleh dirujuk di dalam Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Caj Perkhidmatan Pembetulan) 2022 melalui pautan www.span.gov.my.

(v) Penandaarasan Kos Operasi Sektor Bekalan Air

Pada tahun 2023, SPAN telah menjalankan analisis penandaarasan kos operasi bagi tahun 2021 dan 2022. Hasil analisis awal 2021 dan 2022 telah dikongsi bersama dengan semua operator air negeri pada bulan November 2023 untuk mendapatkan maklum balas mereka berkenaan dengan data sepertimana berikut:

- data tidak lengkap berkaitan loji rawatan air (LRA);
- outlier* rendah yang mewakili data dengan kos unit sifar;
- outlier* tinggi yang mewakili data dengan kos seunit yang tinggi berbanding dengan data lain seperti yang dikenal pasti berdasarkan formula julat antara kuartil (IQR); dan
- LRA dengan kos seunit melebihi kos seunit yang ditandaaras SPAN.



ANALISIS PENANDAARASAN KOS OPERASI

Selain itu, operator air juga dikehendaki memberikan cadangan bagaimana untuk mencapai kecekapan kos bagi LRA dengan kos seunit melebihi kos seunit yang ditandaaras. Selaras dengan tindakan yang perlu diambil oleh operator air, SPAN kemudiannya memasukkan maklum balas yang diterima ke dalam laporan tersebut.

Beberapa penemuan utama dalam analisis penandaarasan untuk tahun 2021 dan 2022 seperti berikut:

- data tidak lengkap yang berkaitan dengan LRA jatuh dalam julat 2% - 14%. Negeri Perak telah mencatatkan jumlah data tidak lengkap tertinggi iaitu 54% untuk kos kimia (25 daripada jumlah 46 LRA) yang mana operator air negeri tersebut dan subkontraktornya telah gagal untuk mengemas kini data yang diperlukan dalam WIBIS sepertimana garis masa yang ditetapkan oleh SPAN ;
- data yang dikelaskan sebagai *outlier* jatuh dalam julat 6% hingga 13%. Data ini akan dialih keluar daripada analisis untuk mengelakkan gangguan kepada data semasa membuat persediaan untuk analisis penandaarasan; dan
- pelarasan penandaarasan keseluruhan OPEX berjumlah RM164.4 juta iaitu 6.7% daripada jumlah OPEX sebanyak RM2.4 bilion. Jika *outlier* tinggi diambil kira, pelarasan penanda aras keseluruhan OPEX akan meningkat kepada RM185.7 juta atau 7.6%.

(B) AKTA DAN PERUNDANGAN SUBSIDIARI

(i) Akta Ibu

SPAN telah mencadangkan pindaan pada Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

a. Pindaan pada Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654)

SPAN telah mencadangkan 12 pindaan pada Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Akta 654). Cadangan pindaan ini telah digazet pada 29 Disember 2023 dan akan mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2024. Pindaan berkenaan adalah melibatkan:

- i. pemendekan tempoh anggota Suruhanjaya;
- ii. perwakilan fungsi dan kuasa Suruhanjaya kepada pegawai SPAN;
- iii. penggunaan (hak) eksklusif lambang SPAN; dan
- iv. Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk menentukan hal-hal berkaitan tata tertib pekerja.

b. Pindaan pada Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655)

Pada 2023, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) (sekarang dikenali sebagai Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)) telah bersetuju agar pindaan Akta 655 dibuat secara berperingkat mengikut beberapa fasa. Fasa Pertama akan memfokuskan pada perkara berkaitan pembendungan isu pencemaran. Draf pindaan bagi Fasa Pertama kini sedang disemak oleh Jabatan Peguam Negara (AGC). Pindaan selebihnya akan dimasukkan ke dalam fasa seterusnya.

(i) Perundangan Subsidiari Baharu

a. Kaedah-Kaedah

1. Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Pendaftaran Pembekal) 2023

Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Pendaftaran Pembekal) 2023 memperuntukkan perkara berhubung pendaftaran orang yang membekalkan pemasangan, peranti, kelengkapan, bahan, sistem atau kemudahan (produk) yang berhubung dengan sistem bekalan air, sistem pembetungan, tangki septik, perpaipan pembetungan dalaman individu atau perpaipan pembetungan dalaman bersama. Kaedah ini memastikan produk yang dibekalkan oleh pembekal dan diguna pakai oleh pengguna dalam industri adalah berkualiti serta mematuhi keperluan standard dan kehendak SPAN. Kaedah ini juga memastikan pembekal bertanggungjawab sepenuhnya ke atas produk yang dibekalkan dengan sentiasa mematuhi peruntukan-peruntukan sebagaimana yang telah ditetapkan. Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.



(ii) Pindaan pada Perundangan Subsidiari Sedia-ada

a. Peraturan-Peraturan

1. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) bagi negeri Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Labuan telah dipinda untuk memperuntukkan kadar bagi perkhidmatan bekalan air di negeri-negeri berkenaan. Peraturan ini berkuat kuasa pada 1 April 2023.
 - i. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Negeri Kedah) (Pindaan) 2023
 - ii. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Negeri Kelantan) (Pindaan) 2023
 - iii. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2023
 - iv. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Negeri Perak) (Pindaan) 2023
 - v. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Negeri Pulau Pinang) (Pindaan) 2023
 - vi. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Negeri Terengganu) (Pindaan) 2023
 - vii. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Wilayah Persekutuan Labuan) (Pindaan) 2023
2. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Perkhidmatan Nyahenap Cemar) (Pindaan) 2023
Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Perkhidmatan Nyahenap Cemar) (Pindaan) 2023 telah dipinda untuk memperuntukkan bahawa caj bagi perkhidmatan nyahenap cemar adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh Peraturan-peraturan Industri Perkhidmatan Air (Caj Perkhidmatan Pembetungan) 2022. Peraturan ini berkuat kuasa pada 1 Mei 2023.



(C) PERKHIDMATAN BEKALAN AIR

(i) Liputan Perkhidmatan Bekalan Air

Liputan perkhidmatan bekalan air untuk Semenanjung Malaysia dan WP Labuan kekal pada 97.1% bagi 2023. Liputan bekalan air di Kelantan ialah 74.5% pada 2023 berbanding negeri lain, di mana kebanyakan negeri telah mencapai liputan perkhidmatan melebihi 95%. Berikutan akses kepada rangkaian agihan bekalan air awam yang terhad dan penggunaan sistem persendirian (air bawah tanah atau terus ekstrak dari sungai atau tasik), telah menyebabkan Kelantan kurang bergantung kepada perkhidmatan bekalan air awam.

% Liputan Perkhidmatan Bekalan Air						
Negeri	2022			2023		
	Bandar	Luar Bandar	Purata	Bandar	Luar Bandar	Purata
Johor	100.0	99.8	99.9	100.0	99.8	99.9
Kedah	100.0	96.5	98.3	100.0	96.5	98.3
Kelantan	65.8	82.0	73.9	65.8	83.1	74.5
WP Labuan	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
Melaka	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
Negeri Sembilan	100.0	99.8	99.9	100.0	99.8	99.9
Pulau Pinang	100.0	99.8	99.9	100.0	99.8	99.9
Pahang	100.0	96.0	98.0	100.0	96.0	98.0
Perak	100.0	99.2	99.6	100.0	99.2	99.6
Perlis	100.0	99.0	99.5	100.0	99.0	99.5
Selangor	100.0	99.5	99.8	100.0	99.5	99.8
Terengganu	99.1	92.9	96.0	99.1	92.9	96.0
Purata	97.1	97.0	97.1	97.1	97.1	97.1

Jadual 17: Liputan Perkhidmatan Bekalan Air 2022 – 2023


(ii) Sumber Air Mentah

Pada 2023, 81.2% sumber air mentah diabstrakkan terutamanya daripada sungai.

Sumber	2022		2023	
	Kapasiti (jlh)	Peratusan (%)	Kapasiti (jlh)	Peratusan (%)
Air Permukaan	13,221	81.1	13,447	81.2
Empangan	2,765	17.0	2,725	16.5
Air Bawah Tanah	307	1.9	385	2.3
Jumlah	16,293	100	16,557	100

Jadual 18: Sumber Air Mentah 2021 – 2022

Terdapat 104 empangan yang beroperasi secara aktif dengan 76 empangan di Semenanjung Malaysia, tiga (3) empangan di WP Labuan, dan 25 empangan di Sabah dan Sarawak. Antara empangan tersebut, 55 empangan (56%) digunakan terutamanya untuk tujuan bekalan air di mana beberapa empangan ini adalah untuk pelbagai fungsi dan tebatan banjir. Daripada 55 empangan bekalan air, 25 empangan telah dipantau secara rapi oleh SPAN.



Carta 6: Purata paras air di empangan yang dipantau oleh SPAN pada 2023

Pada 2023, kebanyakan empangan bekalan air utama mencapai purata simpanan pada 93% hingga 100%. Purata simpanan terendah telah direkodkan oleh Empangan Sembrong di Johor. Empangan ini adalah untuk pelbagai fungsi di mana ia juga digunakan untuk tadahan banjir, oleh yang demikian, Jabatan Pengairan dan Saliran telah mengekalkan paras air pada paras yang rendah. Empangan lain yang mempunyai purata simpanan yang rendah ialah Empangan Teluk Bahang di Pulau Pinang. Berbanding dengan negeri-negeri lain, Johor mempunyai bilangan empangan yang tertinggi iaitu sebanyak 17 empangan.

Pada 2023, terdapat beberapa insiden gangguan bekalan air yang disebabkan oleh penutupan loji rawatan air akibat pencemaran air mentah.

Bil	Loji Rawatan Air (LRA) yang terjejas	Tarikh Insiden	Tempoh penutupan (jam)	Bilangan akaun yang terjejas	Punca
1	LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3, dan LRA Rantau Panjang di Selangor	11 Februari 2023	56.25	1,084,024	Bau seperti diesel pada muka sauk LRA Rantau Panjang
2	LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3, dan LRA Rantau Panjang di Selangor	12 Ogos 2023	60.00	637,962	Kekeruhan air mentah yang tinggi di hulu Sungai Kerling
3	LRA Keratong di Pahang	28 Ogos 2023	59.50	11,500	Efluen kilang kelapa sawit dilepaskan ke Sungai Keratong
4	LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3, dan LRA Rantau Panjang di Selangor	9 Oktober 2023	71.50	770,684	Pencemaran bau di Sungai Selangor
5	LRA Sungai Linggi di Negeri Sembilan	7 November 2023	10	47,943	Bau seperti diesel pada muka sauk LRA Sungai Linggi
6	LRA Sungai Linggi di Negeri Sembilan	9 Disember 2023	16.33	44,828	Bau seperti diesel pada muka sauk LRA Sungai Linggi

Jadual 19: Insiden gangguan bekalan air yang utama pada 2023


(iii) Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air, Pengeluaran dan Rizab Margin

Purata rizab margin bekalan air untuk Semenanjung Malaysia dan WP Labuan bagi 2023 adalah 15.3%, menurun sebanyak 0.3% berbanding 2022. Penurunan ini adalah disebabkan oleh peningkatan permintaan bekalan air dan kelewatan dalam menyiapkan beberapa loji rawatan air.

Perkara	Unit	2022	2023	Perbezaan
Air Mentah	jlh	16,293	16,557	264 jlh @ 1.6%
Bilangan Loji Rawatan Air yang beroperasi	Nos	344	348	+ 4 WTPs
Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air	jlh	18,460	18,741	281 jlh @ 1.5%
Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air (Permintaan)	jlh	18,561	18,842	281 jlh @ 1.5%
Pengeluaran	jlh	15,542	15,844	302 jlh @ 1.9%
Jumlah Isi padu yang dibekalkan ke dalam sistem (<i>System Input Volume – SIV</i>)	jlh	15,653	15,950	297 jlh @ 1.9%
Rizab margin	%	15.7	15.3	-0.3
Pengeluaran vs. Air Mentah (Kehilangan air di loji)	%	-4.6	-4.3	0.3

Jadual 20: Kapasiti Reka bentuk LRA, Pengeluaran dan Rizab Margin 2022 – 2023

Purata rizab margin bekalan air untuk Terengganu, Perak, Pulau Pinang, WP Labuan, Negeri Sembilan dan Johor melebihi 15% (tinggi). Selangor dan Pahang merekodkan paras rizab margin ideal (10% hingga 15%). Melaka mencatatkan paras rizab margin yang rendah (< 10%), dan Kelantan, Perlis dan Kedah merekodkan paras rizab margin kritikal (< 5%).



Carta 7: Purata rizab margin bagi setiap negeri pada 2023

Kedah merupakan satu-satunya negeri yang mempunyai rizab margin defisit (-9.8%) pada 2023 dan dijangka mencapai paras rizab margin yang positif pada 2025 apabila projek yang berikut siap.

Bil	Projek Loji Rawatan Air (LRA)	Kapasiti Reka Bentuk (jlh)
1	Baik pulih LRA Lubuk Buntar Lama	34
2	Naik taraf LRA Sungai Limau	22
3	Naik taraf LRA Jenun Baru	55
4	Naik taraf LRA Pelubang Fasa 2	227
5	Naik taraf LRA Bukit Selambau Fasa 1	40

Jadual 21: Projek-projek yang bertujuan untuk menambah rizab margin di Kedah

Pada 2023, terdapat lima (5) loji rawatan air telah dinaikkan taraf dan tiga (3) loji rawatan air baharu telah dibina. Sementara itu, satu (1) loji rawatan air lama telah diaktifkan semula. Ini telah menjadikan sejumlah 348 loji rawatan air di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan.

Loji rawatan air baharu		
Bil	Loji Rawatan Air (LRA)	Kapasiti Reka Bentuk (jlh)
1	LRA Layang 2 (Fasa 1) di Johor	160
2	LRA Mini Meranti di Kelantan	6
3	LRA Karak Indah di Pahang	11

Naik taraf loji rawatan air sedia ada

Bil	Loji Rawatan Air (LRA)	Kapasiti Reka Bentuk (jlh)
1	Naik taraf LRA Bukit Panchor di Pulau Pinang	11.37 kepada 21.37
2	Naik taraf LRA Bukit Beruas di Perak	11.37 kepada 22
3	Naik taraf LRA Merlimau di Melaka	55 kepada 110
4	Naik taraf Air Panas C di Johor	11.46 kepada 26.46
5	Naik taraf Lok Heng di Johor	5.46 kepada 9.46


Mengaktifkan semula loji rawatan air sedia ada

1	Mengaktifkan semula LRA Bukit di Negeri Sembilan	2.27
---	--	------

Jadual 22: Projek loji rawatan air pada 2023

Perkara	2024	2025	2026	2027	2028	2029	2030
Kapasiti Reka Bentuk (jlh)	19,424.36	20,152.18	21,498.53	22,045.32	23,727.12	24,487.54	25,556.04
Pengeluaran (jlh)	16,511.71	16,967.48	17,437.83	17,923.28	18,424.41	18,941.81	19,476.09
Rizab Margin (%)	15.0	15.8	18.9	18.7	22.3	22.6	23.8

Jadual 23: Unjuran rizab margin 2024 – 2030



Carta 8: Unjuran kapasiti reka bentuk vs pengeluaran 2023 – 2030

		Rizab Margin (%)						
Bil	Negeri	2024	2025	2026	2027	2028	2029	2030
1	Perlis	29.7	27.9	26.0	24.1	22.1	20.1	18.0
2	Kedah	-12.0	9.3	9.2	8.8	9.4	21.6	20.1
3	Pulau Pinang	29.2	32.4	35.2	34.1	32.9	31.6	38.3
4	Perak	26.0	24.8	25.2	29.0	29.5	27.9	26.4
5	Selangor	10.7	8.0	15.0	12.4	18.1	17.8	22.9
6	Negeri Sembilan	25.5	23.5	21.7	19.6	17.4	15.2	12.9
7	Melaka	5.1	12.5	10.4	17.1	19.5	17.5	15.5
8	Johor	18.2	16.3	20.3	19.4	26.7	25.0	23.2
9	Kelantan	3.2	7.8	11.2	28.2	28.4	27.7	27.0
10	Terengganu	26.8	25.7	27.1	27.1	27.4	33.2	32.2
11	Pahang	10.9	11.4	15.0	13.2	24.7	23.2	20.6
12	WP Labuan	21.4	20.2	19.0	17.8	16.6	15.3	14.0
Purata		15.0	15.8	18.9	18.7	22.3	22.6	23.8

Jadual 24: Unjuran rizab margin untuk setiap negeri

				Kemajuan Projek (%)	
Bil	Negeri	Cadangan Projek Infrastruktur	Kapasiti Reka Bentuk (jlh)	Jadual	Sebenar
1	Perlis	Naik taraf LRA Arau Fasa IV	40	84	82
2		Naik taraf LRA Arau Fasa I, II & III	40	9.8	6.6
3		Naik taraf LRA Timah Tasoh	32	23.4	23.6
4	Pulau Pinang	LRA Sungai Dua 12A	114	90	89
5	Perak	Naik taraf LRA Felda Lasah	3	92	74
6	Selangor	Naik taraf LRA Tengi	1.5	58	52
7	Negeri Sembilan	LRA Ngoi-Ngoi (Fasa 2)	150	55.0	55.2
8	Melaka	LRA Bukit Bulat	10	100	75
9		LRA Pulau Besar (Fasa 2)	0.5	0	0
10	Johor	LRA Kahang	40	100	100
11		LRA Pakej Semanggar	50	0	0
12		Naik taraf LRA Sembrong Barat	5	100	94
13	Kelantan	LRA Mini Jelawat	4	100	98

Bil	Negeri	Cadangan Projek Infrastruktur	Kapasiti Reka Bentuk (jlh)	Kemajuan Projek (%)	
				Jadual	Sebenar
14	Terengganu	LRA Pakej Lubuk Batu	0.1	0	0
15		Naik taraf LRA Cerul	3	0	0
16	Pahang	Bekalan air Gebeng	90	77.4	70.8
Jumlah			583.1	-	-

Jadual 25: Projek yang akan disiapkan pada 2024 untuk meningkatkan rizab margin bekalan air

Terdapat 14 loji rawatan air telah dijadualkan siap pada 2023 dengan kapasiti tambahan sebanyak 534.5 jlh. Oleh yang demikian, rizab margin bagi 2023 dijangka akan meningkat sedikit kepada 15.6%. Pantauan secara berterusan diperlukan bagi memastikan projek-projek ini dapat disiapkan mengikut jadual bagi menampung permintaan bekalan air yang semakin meningkat. Bagi 2024, terdapat 16 projek bekalan air disasarkan untuk disiapkan dan akan menyediakan kapasiti reka bentuk tambahan sebanyak 583.1 jlh dengan anggaran rizab margin sebanyak 15.0%.

(iv) Penggunaan per Kapita sehari

Penggunaan per Kapita Sehari (LCD) bagi Semenanjung Malaysia dan WP Labuan adalah lebih rendah pada 2023 iaitu sebanyak 228 berbanding 237 pada 2022. LCD bagi setiap negeri menurun berbanding tahun sebelumnya kecuali Melaka. Salah satu faktor yang menyumbang kepada pengurangan penggunaan air domestik ialah pelaksanaan kempen-kempen kesedaran yang berjaya meningkatkan kesedaran orang awam supaya berhemat dalam penggunaan dan mengurangkan pembaziran.

Negeri	Penggunaan Domestik per Kapita sehari (LCD)		Perbezaan antara 2023 dan 2022 (%)
	2022	2023	
Johor	216	215	-0.1
Kedah	258	234	-9.2
Kelantan	89	85	-3.7
WP Labuan	196	188	-3.6
Melaka	226	229	1.1
Negeri Sembilan	254	252	-0.8
Pulau Pinang	307	299	-2.5
Pahang	239	235	-1.9
Perak	277	236	-14.8
Perlis	276	217	-21.6
Selangor	245	241	-1.6
Terengganu	241	239	-0.7
Semenanjung Malaysia dan WP Labuan	237	228	-3.7

Jadual 26: LCD bagi setiap negeri 2022 – 2023

(v) Air Tidak Terhasil

Pada 2023, kadar Air Tidak Terhasil (NRW) di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan meningkat sedikit daripada 34.4% kepada 34.6%, manakala kadar NRW negara menurun sedikit daripada 37.2% kepada 37.1%.

Kawasan	NRW (%)											
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Nasional	36.4	36.6	35.6	35.5	35.2	35.0	36.2	35.6	36.4	36.3	37.2	37.1
Semenanjung Malaysia dan WP Labuan	35.9	35.7	34.5	33.9	33.6	33.4	33.9	33.2	33.8	33.7	34.4	34.6

Jadual 27: Air Tidak Terhasil 2012 – 2023

Negeri	NRW (%)		
	2022	2023	2023 vs. 2022
Johor	26.3	25.0	-1.3
Kedah	51.5	50.7	-0.8
Kelantan	53.7	54.5	0.8
WP Labuan	36.8	37.6	0.8
Melaka	33.2	35.1	1.9
Negeri Sembilan	35.1	38.9	3.8
Pulau Pinang	26.3	26.8	0.5
Pahang	47.7	47.7	0
Perak	30.3	30.2	-0.1
Perlis	61.5	64.5	3.0
Selangor	27.8	27.8	0
Terengganu	38.7	40.1	1.4
Semenanjung Malaysia dan WP Labuan	34.4	34.6	0.2

Jadual 28: Perbandingan kadar NRW 2022 – 2023

Halangan utama adalah kekurangan dana yang menyeluruh dan berterusan untuk program pengurangan kadar NRW yang holistik. Sumber kewangan yang besar diperlukan untuk mengurang dan mengekalkan kadar NRW yang rendah, tetapi tarif semasa yang tidak mampan menghalang perkara ini. SPAN menjangkakan peningkatan pelaburan dalam program pengurangan kadar NRW selepas semakan tarif pada tahun 2022 (bukan domestik) dan 2024 (domestik).

Mempunyai pasukan NRW yang cekap dengan tenaga kerja yang mahir adalah penting. Pengurusan NRW yang berkesan memerlukan usaha yang berterusan dan dedikasi dari semua jabatan dalam organisasi serta perlu diselaraskan dan dipantau oleh pasukan NRW. Pada masa ini, kebanyakan operator kekurangan kakitangan yang mencukupi untuk mengurus dan melaksanakan program NRW dengan cekap.

Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM1.9 bilion di bawah Rancangan Malaysia ke-11 untuk membantu dalam pengurangan kadar NRW melalui dua (2) pendekatan:



PENDEKATAN 1

- RM535.5 juta untuk tujuh (7) operator air di Kelantan, Kedah, Pahang, Perlis, WP Labuan, Sarawak dan Sabah, di mana kadar NRW melebihi 40%.
- Anugerah projek berperingkat – dua (2) projek perintis di Pekan, Pahang dan Kota Marudu, Sabah telah disiapkan pada 2019, Perlis pada 2022 dan Kelantan pada 2023. Projek-projek lain sedang berjalan dan dijangka akan selesai pada 2024.



PENDEKATAN 2

- Bantuan kewangan melalui program Geran Sepadan Ringgit-untuk-Ringgit (MGR2R), membayar balik 50% perbelanjaan tahunan NRW jika sasaran dipenuhi dan 75% jika pencapaian digandakan.
- Negeri-negeri dengan kadar NRW di bawah 40% layak adalah Melaka, Pulau Pinang, Johor, Negeri Sembilan, Perak, Terengganu dan Selangor.
- RM1.37 bilion diperuntukkan, bersambung di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (2021 – 2025) atau sehingga dana habis digunakan. Baki yang tinggal adalah RM866 juta.

Bil	Tahun	Operator Air	Jumlah Imbuhan Balik (RM)
1	2018	Tiada operator air yang mencapai sasaran	-
2	2019	Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd	RM124,743,207.16
3	2020	Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd	RM125,717,754.69
4	2021	Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd	RM111,896,668.05
		Ranhill SAJ Sdn Bhd	RM142,284,517.64
5	2022	Tiada operator air yang mencapai sasaran	-
6	2023	Johor, Selangor, Perak and Terengganu telah dilaporkan mencapai sasaran	RM487 juta (anggaran)

Jadual 29: Operator air yang mencapai sasaran NRW melalui Pendekatan 2 setakat 2023

PETRA dan SPAN mendapati bahawa operator air tidak memanfaatkan sepenuhnya bantuan kewangan di bawah Pendekatan 2 kerana operator perlu mendahulukan dana untuk program NRW dan syarat pembayaran balik yang bergantung kepada pencapaian sasaran. Ini menimbulkan risiko bagi operator yang mempunyai dana CAPEX dan OPEX terhad.



LANGKAH GALAKAN

Untuk meningkatkan penyertaan, PETRA dan SPAN mempromosikan perkongsian swasta melalui insentif berdasarkan prestasi (PBI), membolehkan operator air bekerjasama dengan pihak ketiga untuk projek NRW dengan terma pembayaran yang dipersetujui, dan cadangan program NRW hendaklah dinilai oleh SPAN.



SKIM PEMBIAYAAN BAHARU

PAAB memperkenalkan skim pembiayaan jangka pendek yang diluluskan oleh SPAN pada 18 April 2022, di mana ia menyediakan pinjaman untuk membiayai projek NRW, termasuk di bawah kategori OPEX. Tempoh pembayaran balik adalah sehingga 48 bulan dari penyiapan projek atau tiga tahun dari permulaan, mana-mana yang terawal. Skim ini meliputi sehingga 10% daripada jumlah peruntukan di bawah Pelan Perniagaan yang diluluskan oleh SPAN.

Sasaran asal pengurangan kadar NRW dalam Rancangan Malaysia ke-12 adalah 25% menjelang 2025. Walau bagaimanapun, sasaran ini adalah sukar dicapai disebabkan oleh:

- 💧 Kesan Covid-19 – Gangguan yang disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- 💧 Pelaksanaan tertunda – Program Pengurangan kadar NRW Nasional, yang dirancang bermula pada 2017 hanya bermula pada 2018 (Pendekatan 2) dan 2020/2021 (Pendekatan 1).
- 💧 Kekangan kewangan – Cabaran kewangan akibat tarif yang tidak mampan.
- 💧 Jurang sasaran – Kadar NRW semasa sebanyak 37.2% adalah jauh lebih tinggi daripada sasaran 25%, yang tidak dapat dicapai berdasarkan trend terdahulu.

SPAN mencadangkan semakan semula sasaran nasional NRW dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12 daripada 25% kepada 31% untuk Semenanjung Malaysia dan WP Labuan. Semakan ini dipersetujui dengan Kementerian Ekonomi dan diluluskan di Parlimen pada September 2023. Sasaran baharu kini adalah 31% pada 2025 untuk Semenanjung Malaysia dan WP Labuan.

(vi) Kualiti Air Terawat

Pemantauan dan pemeriksaan kualiti air dijalankan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) melalui Program Pengawasan Kualiti Air Minum Kebangsaan di pelbagai peringkat bagi memastikan standard kualiti air dipatuhi. Ujian kualiti air dijalankan seperti yang berikut:

- a. air yang dikeluarkan daripada loji rawatan air;
- b. air yang dikeluarkan daripada takungan pengimbangan dan perkhidmatan; dan
- c. aliran air di sepanjang sistem pengagihan sebelum memasuki premis pengguna.

Air terawat diuji sehingga 37 parameter yang berbeza termasuk rasa, warna, bau, mikro-organisma, kandungan bahan kimia, dan racun perosak. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk kualiti air berdasarkan Program Jaminan Kualiti (QAP), yang telah ditetapkan kepada operator rawatan air dan agihan air, bagi memantau prestasi kualiti air minum.


Jadual 30 menunjukkan ringkasan status pematuhan lima (5) parameter utama terpilih meliputi mikrobiologi, fizikal, bahan kimia dan estetika di bawah QAP yang ditetapkan oleh KKM.

Parameter	Sasaran QAP (%)	Pematuhan (%)		
		2021	2022	2023
Gabungan E. Coli dan Baki Klorin	> 99.95	99.99	99.97	99.96
E.Coli	> 99.85	99.97	99.92	99.91
Baki Klorin	> 98.15	99.63	98.24	99.49
Kekeruhan	> 98.00	98.72	99.49	98.32
Aluminium	> 90.00	94.04	93.24	92.61

Jadual 30: Pencapaian QAP dan Purata Pematuhan Kualiti Air 2021 – 2023

Di bawah seksyen 41 Akta 655, operator air hendaklah memastikan kualiti air yang dibekalkan mematuhi standard kualiti minimum. Operator air hendaklah memastikan tiada kemerosotan dalam standard kualiti minimum bagi air yang dibekalkan dari semasa ke semasa daripada sumber atau kombinasi sumber itu.

SPAN juga melaksanakan audit secara berkala terhadap stesen pensampelan air bagi memastikan pematuhan standard kualiti minimum. Pada 2023, SPAN telah melaksanakan empat (4) audit QAP ke atas empat (4) operator air. Penemuan daripada audit ini menunjukkan bahawa punca utama air terawat tidak mematuhi standard kualiti, adalah disebabkan oleh kawalan operasi di loji rawatan air, dan kemerosotan kualiti air mentah. Punca-punca ini adalah di luar kemampuan sistem rawatan air. Operator air telah dimaklumkan untuk mengambil langkah pembetulan dan pencegahan bagi mengelakkan kejadian seperti itu berlaku pada masa hadapan.



(D) PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN

(i) Kemudahan Perkhidmatan Pembetulan

Kemudahan sistem pembetulan di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan terdiri daripada loji rawatan kumbahan (LRK) awam dan persendirian serta tangki septik komunal (CST), tangki septik individu (IST) dan sistem tradisional seperti tandas curah (PF). Bilangan kemudahan dan penduduk setara untuk setiap jenis sistem adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 31.

Sewerage Facility	2022		2023	
	Penduduk Kuantiti	Setara (PE)	Penduduk Kuantiti	Setara (PE)
Sistem Rawatan Kumbahan Awam (a+b)	7,503	31,417,704	7,642	31,777,843
a. Loji Rawatan Kumbahan Awam	7,395	20,186,013	7,534	20,508,986
b. Loji Rawatan Kumbahan Serantau	108	11,231,691	108	11,268,857
Loji Rawatan Kumbahan Persendirian	4,641	4,957,337	4,822	5,022,434
Tangki Septik Komunal	4,222	514,344	5,498	624,271
Tangki Septik Individu	1,366,516	7,151,742	1,369,842	7,177,741
Sistem Tradisional	1,152,346	5,761,730	1,140,552	5,702,760
Stesen Pam Rangkaian	1,454	-	1,495	-
Panjang Rangkaian Kumbahan (km)	21,964	-	21,978	-

Jadual 31: Kemudahan pembetulan 2022 – 2023

(ii) Pematuhan Efluen

Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) (EQSR) telah diperkenalkan pada 2009, sebagai satu alat berkanun untuk pematuhan efluen dan standard. Peraturan-Peraturan ini menyediakan penunjuk alam sekitar yang boleh diukur, di mana ia memberikan suatu perbandingan bermakna untuk prestasi keseluruhan parameter utama yang ditetapkan. Parameter utama untuk loji rawatan kumbahan (LRK), yang perlu dipatuhi ialah *Biochemical Oxygen Demand* (BOD), *Chemical Oxygen Demand* (COD), *Suspended Solids* (SS), *Ammoniacal Nitrogen* (NH₃-N), dan *Oil and Grease* (O&G).



**KUALITI ALAM
SEKELILING
(KUMBAHAN)
(EQSR)**

Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menetapkan bahawa semua LRK hendaklah memenuhi Perenggan (I) Standard A, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, pada 31 Disember 2018. Walau bagaimanapun, Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) tidak dapat mematuhi syarat tersebut disebabkan kekangan kewangan. SPAN pada 8 Oktober 2019, telah meluluskan dana Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan (KWSMP) untuk menaik taraf 644 buah LRK dalam kawasan Tadahan A pada Perenggan (I). Kelulusan ini adalah untuk Fasa 1 dan semua LRK akan dinaiktarafkan secara berperingkat.

IWK mencapai pematuhan 98.0% untuk 2023 berbanding 97.4% pada 2022. Pematuhan garis dasar keseluruhan KPI yang ditetapkan adalah pada 96.0% bagi tiga (3) tahun dalam tempoh pemegang lesen perkhidmatan IWK dari 2022 – 2024.

Perkara	Standard Efluen	EQSR 2009			Jumlah
		Para 1	Para 2	Para 3	
Bilangan LRK	A	1038	327	503	1,868
Bilangan Sampel		1009	267	474	1,750
Bilangan Pematuhan		939	249	469	1,657
% Pematuhan		93.1	93.3	98.9	94.7
Bilangan LRK	B	1,562	2,014	2,034	5,610
Bilangan Sampel		1,515	1,919	1,956	5,390
Bilangan Pematuhan		1,500	1,906	1,934	5,340
% Pematuhan		99.0	99.3	98.9	99.1
Bilangan LRK	Keseluruhan	2,600	2,341	2,537	7,478
Bilangan Sampel		2,524	2,186	2,430	7,140
Bilangan Pematuhan		2,439	2,155	2,403	6,997
% Pematuhan		96.6	98.6	98.9	98.0

Jadual 32: Purata pematuhan kualiti efluen pada 2023

(iii) Perkhidmatan Nyah Enap Cemar

IWK telah melaksanakan program nyahenap cemar secara berkala pada 1 Julai 2021, setelah Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Perkhidmatan Nyahenap Cemar) 2021 dikuatkuasakan pada 30 Mac 2021. Kekerapan nyahenap cemar bagi tangki septik yang terletak di dalam sempadan dan di luar sempadan pihak berkuasa tempatan telah ditetapkan masing-masing sebanyak sekali dalam 2 tahun dan 3 tahun untuk premis domestik, komersial dan perindustrian.



8.7% kadar penerimaan

48,898 akaun

136,582 notis

Sehingga Disember 2023, kadar penerimaan untuk perkhidmatan nyahenap cemar ialah sebanyak 8.7% dengan 48,898 akaun telah dinyahenap cemar. 136,582 notis telah dikeluarkan oleh IWK kepada pelanggan pada 2023.

(iv) Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan (KWSMP)

Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan (KWSMP) telah terkumpul sebanyak RM3,887,494,083 dari 2011 hingga 2023. Kutipan KWSMP pada 2023 meningkat sebanyak 4.05% kepada RM389,775,730 berbanding 2022, di mana 95.23% atau RM371,165,687 disumbangkan melalui sumbangan harta tanah ke sistem pembetulan awam.

Kategori	Kutipan KWSMP (RM)		
	2011-2022	2023	Jumlah
Naik Taraf	112,273,948	6,891,566	119,165,514
Sumbangan	3,197,219,564	371,165,687	3,568,385,251
Tangki Septik Individu	136,889,359	9,100,086	145,989,445
Kemudahan Enap Cemar dan Lain-lain	51,335,482	2,618,391	53,953,873
Jumlah	3,497,718,353	389,775,730	3,887,494,083

Jadual 33: Kutipan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan 2011 – 2023

Menurut seksyen 172(3) Akta 655, KWSMP yang disumbangkan oleh pemaju hendaklah dibelanjakan bagi tujuan yang berikut:

- untuk menambah perbelanjaan modal yang dikehendaki bagi sistem pembetulan awam;
- untuk melaksanakan sistem pembetulan serantau; atau
- apa-apa maksud lain yang ditentukan oleh Menteri.

Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 29 projek telah dibiayai di bawah KWSMP. Jumlah kos siling yang diluluskan untuk 29 projek ini ialah RM430,221,889.43. Projek di bawah KWSMP dikategorikan kepada tujuh (7) skop utama seperti yang berikut:

- kerja-kerja penambahbaikan dan pembaikan pada sistem pembetulan sedia ada,
- kerja-kerja penambahbaikan dan naik taraf loji rawatan pembetulan,
- penggantian peralatan, instrumentasi dan sistem pembetulan,
- penambahbaikan sistem pembetulan yang telah diperolehi oleh Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK),
- pelaksanaan sistem pembetulan serantau,
- peningkatan pengurusan sistem pembetulan, dan
- lain-lain atau kerja-kerja kecemasan.



29 PROJEK
RM430,221,889.43
7 SKOP

Projek pembetulan yang dilaksanakan di bawah KWSMP memfokuskan kepada penambahbaikan efluen yang dilepaskan mengikut standard terkini seperti yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pembetulan) 2009. Selain itu, projek-projek ini juga dijangka dapat mengatasi isu pencemaran yang disebabkan oleh aset pembetulan yang rosak akibat keuzuran dan mengurangkan aduan orang awam. Tambahan pula, ia juga dapat mengurangkan kos operasi dan penyelenggaraan yang ditanggung oleh IWK bagi mengurangkan masalah yang berlaku.


(E) STANDARD TEKNIKAL DAN GARIS PANDUAN

(i) Garis Panduan Pelan Keselamatan Air

Garis Panduan Pelan Keselamatan Air (*Water Safety Plan – WSP*) yang dibangunkan oleh SPAN pada November 2021, majoriti memberi tumpuan kepada konsep penilaian risiko dan pengurusan risiko sistem bekalan air. Ini adalah untuk memastikan keselamatan dan jaminan bekalan air kepada pengguna dapat dipertingkatkan.

Pada 2023, SPAN telah melaksanakan program kesedaran dan semakan WSP di Pahang dan Negeri Sembilan. Selain itu, satu seminar bagi peringkat kebangsaan mengenai persediaan El Nino telah diadakan pada 14 Jun 2023 dan telah disertai oleh operator, pihak berkuasa sumber air negeri dan pihak berkepentingan yang berkaitan. Ia bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan risiko semasa musim kemarau akibat daripada fenomena El Nino atau perubahan iklim. Pembangunan dan pelaksanaan WSP akan ditetapkan sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi pemegang lesen perkhidmatan air dalam Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Standard Prestasi dan Penggunaan Petunjuk Prestasi Utama bagi Perkhidmatan Bekalan Air) yang sedang dalam proses untuk menggazetnya. Oleh itu, SPAN sedang menjalankan usaha pantauan yang berterusan bagi memastikan semua operator mencapai 100% dalam pembangunan WSP.

Carta 9 menunjukkan perbandingan dokumen WSP yang dibangunkan dengan jumlah bilangan sistem WTP di setiap negeri. Perak, Kedah, Kelantan dan Pulau Pinang mempunyai peratusan yang lebih rendah dalam pembangunan dokumen WSP.



Carta 9: Perbandingan bilangan loji rawatan air dan dokumen WSP yang dibangunkan oleh setiap operator air negeri

(F) AGENSI PERAKUAN DAN ORANG YANG BERKELAYAKAN

(i) Agensi Perakuan

SPAN telah melantik 12 operator air negeri sebagai Agensi Perakuan bekalan air. Pembaharuan pelantikan telah dikeluarkan untuk tempoh tiga (3) tahun bermula 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2026. Skop Agensi Perakuan bekalan air terdiri daripada takungan awam hingga sistem retikulasi air luaran yang merangkumi kajian tentang kecukupan bekalan air, memproses kelulusan untuk permohonan bekalan air, mengurus data dan maklumat, menjalankan pemeriksaan akhir bagi tujuan mengeluarkan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC), menyelaraskan proses penyerahan sistem bekalan air dan mewakili SPAN di pelbagai mesyuarat agensi.



12
OPERATOR
AIR
AGENCI
PERAKUAN

Untuk perkhidmatan pembedungan, Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) merupakan satu-satunya Agensi Perakuan pembedungan di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan. IWK telah dilantik oleh SPAN melalui perjanjian di bawah seksyen 174, Akta 655 bermula 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026. Skop Agensi Perakuan pembedungan termasuk memproses kelulusan untuk permohonan kerja-kerja pembedungan, memastikan perkhidmatan yang diberikan mematuhi Akta 655, mematuhi perkara-perkara lain yang berkaitan dengan keperluan kawal selia SPAN, mengurus data dan maklumat secara berkala, dan mewakili SPAN di pelbagai mesyuarat agensi.

Pencapaian Agensi Perakuan pada 2023 ditunjukkan seperti jadual yang berikut.

Prestasi	Agensi Perakuan	
	Bekalan Air	Pembedungan
Bilangan permohonan yang diproses	22,728	33,766
Tahap Perkhidmatan (<i>Level of Service – LoS</i>)	98.6%	98.6%

Jadual 34: Pencapaian Agensi Perakuan pada 2023

(ii) Orang Yang Berkelayakan


Orang Yang Berkelayakan bertanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan sistem bekalan air atau sistem pembedungan atau sebahagian daripada sistem tersebut mengikut peruntukan seksyen 47 Akta 655. SPAN bertanggungjawab untuk memastikan hanya Orang Yang Berkelayakan dibenarkan untuk mengeluarkan Perakuan Siap dan Pematuhan bagi sistem bekalan air atau sistem pembedungan sebelum sistem itu diserahkan kepada pemegang lesen bekalan air atau pemegang lesen perkhidmatan pembedungan.

Pada 2022, SPAN telah menaik taraf sistem pendaftaran e-QP. Sistem ini merupakan sistem dalam talian bersepadu yang sepenuhnya bermula 1 Jun 2022. Kelebihan sistem baharu adalah seperti yang berikut:

- a. suatu sistem pendaftaran dalam talian yang boleh digunakan di mana-mana sahaja yang terdapat akses Internet,
- b. mengurangkan proses pendaftaran dengan integrasi secara terus dengan badan pendaftaran yang berkaitan, dan
- c. kod QR bagi tujuan keselamatan.

Pada 2023, sejumlah 2,252 permohonan telah diterima dan 1,913 telah diluluskan untuk jurutera awam, arkitek dan pelukis pelan bangunan. Jika dibandingkan dengan 2022, sebanyak 1,468 permohonan telah diterima dan 1,352 telah diluluskan oleh SPAN melalui sistem e-QP yang baharu. Jumlah permohonan pada 2023 meningkat berbanding 2022. Ini disebabkan oleh sebaran notis yang meluas melalui peringatan SMS kepada semua QP berdaftar dan e-mel kepada operator air dan pembetulan.

Carta 10 yang berikut menunjukkan bahawa 69% daripada 1,913 pendaftaran adalah jurutera awam diikuti 14% daripada mekanikal dan 10% daripada arkitek.



Carta 10: Bilangan Orang Yang Berkelayakan yang berdaftar dengan SPAN pada 2023



(G) PEMATUHAN STANDARD

(i) Pendaftaran Pembekal

a. Kemajuan dalam Pendaftaran Pembekal Sistem Bekalan Air dan Sistem Pembedungan

Seksyen 129, Akta 655 menyatakan seseorang yang menggunakan atau membekalkan apa-apa kelengkapan, peranti, bahan, sistem atau kemudahan yang tidak standard yang diketahuinya atau yang dia mempunyai alasan untuk mempercayai adalah kelengkapan, peranti, bahan, sistem atau kemudahan tidak standard untuk digunakan bagi tujuan memasang, menjalankan atau mengendalikan kelengkapan, peranti, bahan, sistem atau kemudahan itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Manakala seksyen 180 (m), Akta 655 menyatakan Suruhanjaya boleh membuat apa-apa kaedah-kaedah bagi semua perkara yang berhubungan dengan pendaftaran orang yang membekalkan pemasangan, peranti atau kelengkapan yang berhubungan dengan sistem bekalan air, sistem pembedungan, tangki septik, perpaipan pembedungan dalaman individu atau perpaipan pembedungan dalaman bersama. Keperluan untuk mengawal selia pembekal produk untuk sistem pembedungan dan bekalan air ialah mandatori seperti yang dinyatakan dalam seksyen 180 (m) dan seksyen 129, Akta 655.

Prosedur pendaftaran untuk pembekal dalam industri perkhidmatan air telah dimulakan sejak 2012, di mana penambahbaikan secara berterusan dimulakan untuk proses yang lebih cekap dan lebih baik. Bagi meningkatkan inisiatif penambahbaikan ini, SPAN telah membangunkan sistem e-pendaftaran bersepadu yang dinamakan sebagai eSure pada 2023. Sistem ini telah dilancarkan pada 1 Februari 2024 dan ia merupakan sistem yang komprehensif dan bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan kebolehcapaian aplikasi dalam talian untuk permohonan pendaftaran pembekal di dalam industri perkhidmatan air.

Pada 2023, SPAN telah memperoleh pencapaian yang membanggakan dengan mendaftarkan sejumlah 756 pembekal bagi 3,780 produk. Pencapaian ini menunjukkan peningkatan yang cemerlang iaitu 35.7% bagi bilangan pembekal berdaftar dan 22% bagi produk berdaftar berbanding tahun sebelumnya. Menurut rekod, 2023 merupakan tahun tertinggi bagi pendaftaran pembekal dalam tempoh 10 tahun yang lalu.


Tahap pendaftaran yang lebih tinggi pada 2023 telah menyerlahkan daya tahan dan kebolehsesuaian industri, menekankan komitmen secara kolektif untuk memupuk inovasi dan mengekalkan piawaian berkualiti tinggi. Pencapaian ini bukan sahaja menandakan pencapaian kuantitatif tetapi juga menekankan pendekatan proaktif industri dalam memenuhi permintaan industri perkhidmatan air yang berkembang serta memastikan pematuhan kepada keperluan undang-undang.




756
PEMBEKAL

3,780
PRODUK

Data terperinci pada Carta 11 dan Carta 12 menunjukkan pendaftaran pembekal yang semakin meningkat, mencerminkan daya tahan dan kapasiti industri untuk inovasi.



Carta 11: Statistik Pendaftaran Pembekal




Carta 12: Statistik Permohonan dan Kelulusan Pendaftaran Pembekal

Seperti yang ditunjukkan dalam Carta 12, permohonan ditolak atas sebab-sebab yang berikut:

- Permohonan salah kategori
- Maklumat yang dikemukakan tidak sama dengan sijil
- Dokumen tidak lengkap atau tiada
- Laporan ujian tamat tempoh
- Permohonan pembaharuan dikemukakan setelah tamat tempoh melebihi 2 bulan
- Laporan ujian bukan dikeluarkan oleh badan pengujian yang diiktiraf SPAN

Perlu diperhatikan bahawa walaupun alasan penolakan telah diberikan, proses permohonan tetap berjaya dikemukakan.

Sepanjang tahun 2023, permohonan pendaftaran pembekal yang diluluskan majoriti adalah untuk sistem bekalan air iaitu sebanyak 80% atau 3,013 produk. Manakala, 20% atau 767 produk bagi pembekal sistem pembetulan yang telah berdaftar seperti yang ditunjukkan pada Carta 13.



Carta 13: Produk yang diluluskan dan didaftarkan oleh Pembekal

b. Aktiviti Semakan serta Pengesahan Pendaftaran Produk dan Pembekal

Pada 2023, SPAN telah melaksanakan pemeriksaan berkaitan pendaftaran pembekal dan produk. Tujuan pemeriksaan ini adalah untuk mengesah dan menyemak pendaftaran pembekal dan produk adalah mematuhi keperluan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655). Sebanyak enam (6) pembekal yang berdaftar dengan SPAN telah disemak pada 2023. Penemuan dan butiran pemeriksaan ini diringkaskan dalam jadual yang berikut.

Pembekal	Tarikh Pemeriksaan	Produk	Jumlah Pemerhatian	Jumlah Ketidakpatuhan
Pembekal 1	30 Januari 2023	Produk Sanitari	4	-
Pembekal 2	10 Mac 2023	Tangki / Paip Air	5	-
Pembekal 3	17 Mei 2023	Produk Sanitari	3	-
Pembekal 4	7 Julai 2023	Pepasangan / Injap	4	-
Pembekal 5	30 Ogos 2023	Penstock	4	-
Pembekal 6	24 November 2023	Tangki/Paip Air	3	2
Jumlah			23	2

Jadual 35: Pemeriksaan pembekal dan produk pada 2023


Secara keseluruhannya sejumlah 25 penemuan telah didapati semasa pelaksanaan pemeriksaan tersebut yang dijalankan ke atas keseluruhan pembekal. Penemuan tersebut terdiri daripada 23 pemerhatian dan dua (2) ketidakpatuhan. Bagi memastikan keberkesanan pemeriksaan ini serta menilai kesedaran pembekal terhadap keperluan pendaftaran, SPAN menjalankan tinjauan serta soal selidik di kalangan semua pembekal yang diperiksa. Hasil soal selidik dan tinjauan menunjukkan bahawa kebanyakan pembekal mempunyai maklumat yang baik tentang keperluan pendaftaran pembekal. Selain itu, kebanyakan pembekal menunjukkan tahap kesedaran baik tentang produk cekap air, seperti yang digalakkan oleh Skim Pelabelan Produk Cekap Air (SPPCA). Kesedaran ini mencerminkan penglibatan positif dengan keperluan dan inisiatif yang ditetapkan bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan pematuhan dalam industri perkhidmatan air.

c. Pertanyaan dan Aduan

Pertanyaan yang diterima melalui pelbagai saluran iaitu e-mel, surat dan kunjungan bersemuka telah direkodkan secara sistematik. Laporan ini bertujuan untuk memberikan gambaran secara holistik tentang interaksi bersama pelanggan. Semua pertanyaan termasuk aduan yang diterima telah berjaya diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Carta 14 menunjukkan kaedah komunikasi yang digunakan oleh pembekal untuk membuat pertanyaan. Majoriti pertanyaan telah dibuat melalui e-mel, iaitu sebanyak 57% dengan jumlah 418 pertanyaan. Kaedah pertanyaan seterusnya adalah dibuat melalui surat yang terdiri daripada 34% dengan jumlah 248 surat yang telah diterima. Manakala perbincangan fizikal menyumbang sebanyak 9% daripada jumlah keseluruhan, dengan 63 kali perjumpaan dengan pembekal.



57% EMEL
34% SURAT
9% FIZIKAL



Carta 14: Statistik pertanyaan pembekal pada 2023

d. Pelan dan Matlamat Strategik pada Masa Depan

- i. Mempertingkatkan sistem e-pendaftaran (eSure) dari masa ke semasa untuk menyelaraskan proses pendaftaran, menjadikannya lebih mesra pengguna dan cekap. Ini termasuk menaik taraf sistem dan melaksanakan penambahbaikan berterusan berdasarkan maklum balas yang diterima.
- ii. Meningkatkan pendaftaran pembekal dan produk dengan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pematuhan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) secara berterusan. Ini termasuk program kesedaran dan usaha mendidik pihak berkepentingan yang didasarkan untuk memastikan pembekal memahami keperluan dan faedah pendaftaran.
- iii. Meningkatkan pemeriksaan pematuhan untuk memastikan semua pembekal dan produk berdaftar memenuhi piawaian yang diperlukan. Ini akan melibatkan pemeriksaan yang lebih kerap melalui analisis data yang ada untuk mengenal pasti ketidakpatuhan secara proaktif.
- iv. Menambah baik maklum balas kepada pertanyaan dan aduan dengan memanfaatkan teknologi untuk memberikan maklum balas yang lebih cepat dan tepat kepada pertanyaan pembekal (eSure).

Strategi ini bertujuan untuk memastikan pihak industri yang lebih patuh, inovatif dan cekap, serta menyumbang kepada pengurusan dan penggunaan air yang mampan.

(ii) Skim Pelabelan Produk Cekap Air (SPPCA)


a. Kemajuan dalam Pendaftaran SPPCA

SPPCA ialah salah satu inisiatif pemuliharaan air berterusan oleh SPAN dalam mempromosikan amalan baik pengurusan permintaan air di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan dengan menggalakkan penggunaan produk jimat air. SPPCA telah dilancarkan pada Januari 2013, bagi membolehkan pembekal mendaftarkan produk cekap air mereka secara sukarela. Ini menjadikannya lebih mudah bagi pengguna untuk mengenal pasti dan memilih produk ini semasa membuat keputusan pembelian. Skim ini meliputi produk seperti pili air, pancuran mandi, peralatan tandas, urinal dan mesin basuh.

Jadual 36 dan Carta 15 menunjukkan SPAN telah mencapai satu kejayaan yang ketara dengan mendaftarkan sebanyak 41 pembekal dan 1,273 produk. Pencapaian ini juga dapat dilihat dengan peningkatan sebanyak 57.7% bagi penyertaan pembekal dan 240.4% bagi bilangan produk yang didaftarkan berbanding tahun sebelumnya. Ini menjadikan 2023 sebagai salah satu tahun paling berjaya dalam sedekad bagi skim ini.


Jenis Produk	Kuantiti	Peratusan
Pili Air	685	53.8
Pancuran Mandi	95	7.5
Mesin Basuh	94	7.4
Peralatan Tandas	378	29.7
Urinal	21	1.6
Jumlah	1,273	100

Jadual 36: Pendaftaran SPPCA setakat 31 Disember 2023



Carta 15: Pendaftaran Pembekal SPPCA

Carta 16 menunjukkan peningkatan pendaftaran produk yang ketara di bawah skim ini dari tahun 2019 hingga 2023, iaitu sebanyak 340.5% pada 2023.



Carta 16: Statistik Pendaftaran SPPCA

b. Faktor Penyumbang dalam Pendaftaran SPPCA

Peningkatan dalam pendaftaran SPPCA boleh dikaitkan dengan pelbagai faktor, termasuk:

- i. Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi dan Pemasangan paip) (Pindaan) 2021 telah diwartakan dan berkuat kuasa pada 10 Mei 2021, yang melibatkan penambahan dua (2) lagi produk cekap air iaitu pili air dan pancuran mandi bersama keperluan sedia ada iaitu tangki tandas dwi simbah dan urinal.
- ii. Keperluan untuk pembekal mematuhi piawaian teknikal khusus (SPAN TS) untuk pili air dan pancuran mandi sebagai pra-syarat pendaftaran SPPCA.
- iii. Penggunaan spesifikasi teknikal (SPAN TS) untuk mesin basuh dalam mengatasi masalah teknikal dan telah melonjakkan jumlah pendaftaran.
- iv. Pengecualian yuran pendaftaran SPPCA yang masih diteruskan.
- v. Pelancaran beberapa inisiatif yang bertujuan untuk menyokong pemuliharaan air melalui penggunaan produk cekap air, bersama dengan aktiviti promosi SPAN seperti yang diperincikan di bawah:
 1. Bekerjasama dengan Shopee Malaysia untuk program Jimat Air 4.0.
 2. Mempromosikan Skim Pelabelan Produk Cekap Air (SPPCA) melalui media sosial dengan kerjasama Siakap Keli Sdn Bhd.
 3. Mengadakan taklimat dan menganjurkan jerayawara kepada penggiat industri di pelbagai acara iaitu Karnival Alam Kita di Pulau Pinang dan Kelantan, Sambutan Hari Air Sedunia di UniMAP, Pesta Air Nasional Kuantan dan Seminar Kelestarian Integriti di UPM.
- vi. Bekerjasama dengan operator air untuk memasukkan mesej tentang penjimatan air dan faedah penggunaan produk SPPCA dalam bil air mereka.

c. Pelan dan Matlamat Strategik pada Masa Depan

- i. Promosi dan Kerjasama: Meluaskan kerjasama dengan media sosial untuk jangkauan dan penglibatan yang lebih luas dalam usaha pemuliharaan air.
- ii. Kempen Pendidikan dan Program Jangkauan: Kempen pendidikan yang dipergiatkan secara berterusan dan penglibatan pihak berkepentingan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan dan faedah produk cekap air.
- iii. Insentif dan Sokongan kepada Pembekal: Meneruskan insentif seperti pengecualian yuran pendaftaran dan menyediakan sokongan teknikal kepada pembekal untuk memudahkan proses pendaftaran.

Matlamat pelan strategik masa hadapan ini bertujuan untuk meningkatkan penyertaan SPPCA dalam kalangan pembekal dan juga penggunaan produk cekap air. Ini akan menyumbang kepada penggunaan air yang mampan dan usaha pemuliharaan di seluruh industri dan di kalangan pengguna.



(iii) Kompetensi Untuk Industri Perkhidmatan Air

Seksyen 49, Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) menyatakan tiada bahagian mana-mana sistem bekalan air atau sistem pembetulan boleh dikerjakan, diuruskan atau dikendalikan kecuali oleh dan di bawah kawalan orang yang mempunyai apa-apa kelayakan dan memegang apa-apa perakuan yang diperuntukkan di bawah Akta ini atau yang ditetapkan.


Manakala seksyen 180 (a) (iii), Akta 655 memperuntukkan kuasa Suruhanjaya untuk membuat Kaedah-Kaedah bagi memperuntukkan kelayakan minimum yang perlu dimiliki oleh seseorang sebelum orang itu dibenarkan membina, memasang, menguji, mentauliahkan, mengendalikan, menyelenggarakan atau menguruskan apa-apa sistem bekalan air atau sistem pembetulan atau sebahagian sistem itu.

a. Sistem Bekalan Air


Untuk mencapai objektif ini, SPAN telah menyepadukan keperluan kompetensi ke dalam Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi pemegang lesen, dengan memberi tumpuan kepada operator bekalan air sebagai sebahagian daripada syarat khas lesen mereka. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kecekapan, produktiviti dan kemahiran industri perkhidmatan air.

Sejajar dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia, pendekatan ini menyokong pembangunan pekerja berpengetahuan (*K-workers*) untuk memenuhi tuntutan pekerjaan negara.

SPAN mewajibkan penggunaan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan Penyata Pencapaian sebagai penanda aras bagi kompetensi. Sebagai permulaan SPAN menyasarkan bidang kerja bagi Rawatan Air dan Pengagihan Air untuk Tahap 2 dan 3. Selepas mencapai sasaran utama ini, bidang kerja tambahan seperti kualiti rawatan air, Air Tidak Terhasil (NRW) dan penyelenggaraan instrumentasi akan dikenakan.




Carta 17: Pencapaian KPI kompetensi operator air bagi bidang kerja rawatan air



Carta 18: Pencapaian KPI kompetensi operator air bagi bidang kerja agihan air

Carta 17 dan Carta 18 menunjukkan terdapat beberapa operator air mengalami kekurangan kakitangan mahir untuk dua (2) bidang kerja operasi utama. Isu ini timbul disebabkan pusat latihan yang terdekat dengan mereka tidak menawarkan program yang diperlukan, ditambah lagi dengan kekangan kewangan yang dihadapi oleh operator air.

Carta 19 menunjukkan pencapaian kompetensi kakitangan operator air yang telah memperoleh SKM merentasi dua (2) bidang pekerjaan utama iaitu rawatan air dan agihan air setakat 31 Disember 2023. Secara keseluruhan, terdapat 3,394 daripada 5,138 kakitangan telah menerima SKM, iaitu kadar kelayakan kolektif sebanyak 66%.




Carta 19: Pencapaian keseluruhan KPI kompetensi operator air

b. Sistem Pembetungan

Carta 20 menunjukkan pencapaian kompetensi kakitangan Indah Water Konsortium Sdn Bhd yang telah memperoleh SKM yang merangkumi tiga (3) bidang pekerjaan utama iaitu nyah enap cemar, rawatan dan rangkaian setakat 31 Disember 2023.

Data menunjukkan bahawa peratusan kakitangan yang mempunyai SKM bagi bidang kerja nyah enap cemar dan rangkaian adalah rendah iaitu masing-masing pada 28% dan 3%. Ini kerana IWK sedang dalam proses memohon dan mendaftarkan Pegawai Penilai dan Pegawai Pengesah Luaran sebelum penilaian kakitangan SKM dapat dilaksanakan. Sebaliknya, bidang kerja rawatan menunjukkan tahap pencapaian kompetensi yang lebih sederhana dengan 66% kakitangan telah menerima SKM. Secara keseluruhan, tahap pencapaian berada pada 42% bagi semua bidang kerja. Setakat ini, SPAN masih belum mengenakan keperluan kompetensi sebagai KPI ke dalam syarat khas lesen untuk pemegang lesen individu perkhidmatan pembetungan.



Carta 20: Pencapaian Kompetensi Indah Water Konsortium Sdn Bhd setakat 31 Disember 2023

c. Pelan dan Matlamat Strategik pada Masa Depan

Untuk memperkukuh kecekapan sektor perkhidmatan air, SPAN sedang melaksanakan beberapa inisiatif strategik. Usaha ini adalah bertujuan untuk:

- Mewujudkan rangka kerja dan prosedur perundangan selaras dengan Seksyen 180(a)(iii): Inisiatif ini bertujuan untuk menyeragamkan tahap kecekapan merentas industri, meningkatkan kualiti, keselamatan dan kecekapan perkhidmatan air dan pembetungan.
- Membangunkan sistem pangkalan data yang komprehensif. Pangkalan data ini akan bertindak sebagai pusat repositori bagi memastikan kakitangan sentiasa dikemas kini dengan keperluan semasa, ini akan menjurus kepada industri perkhidmatan air yang lebih kompeten dan efisien.
- Mewujudkan KPI berasaskan kompetensi khusus untuk penyedia perkhidmatan pembetungan bagi memastikan kualiti perkhidmatan dan kepakaran teknikal yang konsisten dan tinggi di seluruh industri.
- Mewujudkan rangka kerja pensijilan untuk industri perkhidmatan air bagi meningkatkan pembangunan kemahiran dan kemajuan kerjaya dalam sektor perkhidmatan air.

(H) INISIATIF AUDIT INDUSTRI

Pada 2023, SPAN telah melaksanakan pendekatan dalam pelbagai aspek kawal selia berdasarkan tanggungjawab dan fungsinya dengan memfokuskan pelaksanaan audit serta menjalankan kajian menyeluruh mengenai penggunaan air domestik yang tinggi. Kajian berkenaan penggunaan air domestik telah dijalankan berdasarkan hasrat daripada Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (dahulunya dikenali sebagai Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim) bagi mengenal pasti punca utama penggunaan air yang tinggi bagi kategori domestik di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan.

(i) Audit Tematik Industri Perkhidmatan Air

Pada 2023, SPAN telah melaksanakan audit tematik dengan memfokuskan kepada keberkesanan amalan pengebilan dan perkhidmatan pelanggan yang dilaksanakan oleh operator air terutamanya dalam pengurusan aduan bagi meningkatkan kepuasan pelanggan dan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama. Lembaga Air Perak telah dipilih sebagai auditi dan pelaksanaan audit ini berlangsung pada suku tahun keempat 2023.

Jenis Audit		Operator Air	Objektif Audit	Jumlah Penemuan Audit
1	Audit Tematik	Lembaga Air Perak	Menyemak dan menilai keberkesanan pengurusan khidmat pelanggan dan pengebilan	21

Jadual 37: Aktiviti audit pada 2023

(i) Audit Tematik Industri Perkhidmatan Air

Sepanjang 2023, isu-isu yang dapat diselesaikan adalah terhad. Ini disebabkan kekangan kewangan yang dihadapi oleh operator bekalan air berikutan cabaran ekonomi global dan inflasi selepas pandemik. Kenaikan inflasi negara membawa kepada peningkatan kos bahan mentah dan nilai kontrak kerja semasa yang menjadi faktor penghalang kepada fleksibiliti kewangan operator air. Tambahan pula, perancangan untuk menaikkan tarif air domestik tidak dapat dilaksanakan pada tahun ini. Auditi menghadapi cabaran dalam melaksanakan tugas mereka terutamanya berkenaan dengan program perbelanjaan modal (CAPEX) dan perbelanjaan operasi (OPEX) akibat daripada kekangan kewangan dan sumber yang terhad.

Audit		Operator Bekalan Air	Jumlah Isu	Jumlah Isu yang telah diselesaikan (Setakat Disember 2023)
1	Keberkesanan pengurusan Air Tidak Terhasil dan agihan bekalan air	Syarikat Air Melaka Berhad	28	12
2	Kajian keupayaan sistem bekalan air	Bahagian Bekalan Air Labuan	33	3

Jadual 38: Aktiviti tindakan susulan dan pantauan

(iii) Pelaporan Audit dan Usaha Kolektif antara Agensi

Selaras dengan ketelusan dan akauntabiliti, laporan audit telah diedarkan kepada Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air. Laporan ini juga dikongsi dengan pihak berkepentingan yang berkaitan termasuk Pejabat Menteri Besar, Pejabat Ketua Menteri, Unit Perancang Ekonomi Negeri dan auditi (operator bekalan air). Laporan ini bukan sahaja mengandungi cadangan tindakan penambahbaikan tetapi juga melaporkan isu-isu utama di luar kawalan auditi seperti perkara yang berkaitan dengan penstrukturan semula industri air dan tarif air yang rendah. Isu-isu di luar kemampuan serta kawalan operator air mempunyai implikasi kepada prestasi kewangan auditi serta memerlukan usaha dan keputusan kolektif secara penambahbaikan terhadap polisi dan dasar oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

(iv) Implikasi Penemuan Audit Terhadap Auditi

Penemuan-penemuan audit dipantau rapi dengan pelan tindakan penambahbaikan yang dicadangkan oleh auditi. Penemuan penting dan perkara dasar telah dimaklumkan kepada jabatan dan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk perhatian segera seperti yang digariskan dalam laporan audit. Auditi secara amnya mencadangkan dua kategori pelan tindakan:

- Pelan tindakan jangka pendek (akan dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan) yang bergantung pada usaha organisasi dan tidak mempunyai implikasi kewangan tambahan.
- Pelan tindakan jangka panjang (melebihi 6 bulan) yang memerlukan sokongan kewangan dan melibatkan program CAPEX.

Selain itu, laporan audit telah dikongsi dengan semua pihak berkepentingan yang berkaitan, termasuk Jabatan Audit Negara (JAN), yang sebelum ini telah bekerjasama dengan SPAN dengan merujuk kepada isu-isu yang telah dilaporkan dalam audit tematik. JAN telah menggunakan laporan audit ini sebagai rujukan utama semasa menjalankan kajian audit oleh pihaknya dan seterusnya dibentangkan dalam Parlimen bagi perhatian para penggubal undang-undang serta wakil rakyat untuk dibincangkan serta tindakan lanjut.

(v) Kajian Penggunaan Air Domestik Tertinggi

SPAN telah menjalankan kajian menyeluruh untuk memahami faktor utama yang menyumbang kepada penggunaan air domestik yang tinggi. Data-data diperoleh daripada semua operator air di Semenanjung Malaysia (tidak termasuk Sabah dan Sarawak). Tiga (3) negeri iaitu Perlis, Terengganu dan Kedah telah didapati mempunyai penggunaan air domestik tertinggi berbanding dengan negeri lain berdasarkan nisbah jumlah penggunaan air domestik pada 2022 berbanding jumlah akaun domestik di setiap negeri tersebut.

	Negeri	Jumlah Bilangan Akaun Domestik	Jumlah Penggunaan Air Domestik pada 2022	Nisbah Penggunaan Air Domestik berbanding Keseluruhan Akaun
1	Perlis	67,851	29,225,142 m ³	430.73
2	Kedah	279,746	104,238,035 m ³	372.62
3	Terengganu	564,883	203,291,296 m ³	359.88

Jadual 39: Negeri-negeri yang dikenal pasti mempunyai penggunaan air domestik tertinggi

Kajian yang dilaksanakan merangkumi 131 sampel di lapangan termasuk sesi soal selidik serta temu bual dengan pengguna domestik bagi ketiga-tiga negeri terpilih. Penggunaan air yang tinggi dalam kalangan pengguna domestik adalah disebabkan oleh beberapa faktor utama:

- a. Lebih daripada satu (1) premis berkongsi satu akaun air domestik, dengan lebih 46% akaun air domestik berbanding keseluruhan sampel yang dikaji melibatkan beberapa premis berkongsi yang menempatkan lebih daripada purata empat (4) isi rumah seperti yang diwartakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).
- b. Kebocoran dalam sistem paip dalaman akaun domestik telah menyumbang 62.6% berbanding faktor lain bagi sampel yang dipilih dikenal pasti semasa lawatan di lapangan.
- c. Penggunaan air bukan domestik untuk akaun domestik, di mana akaun domestik digunakan secara tidak sah dengan tujuan komersial seperti proses penyembelihan ayam, industri perladangan dan pertanian, sekolah swasta, dan pusat-pusat akademi.
- d. Sebilangan besar (97.7%) responden tidak menggunakan produk cekap air yang didaftarkan dengan SPAN, dengan 81.7% pengguna air tidak mengetahui kewujudan Skim Pelabelan Produk Cekap Air (SPPCA).

Pelan strategik yang telah dirangka oleh SPAN telah menggariskan beberapa objektif untuk memastikan penggunaan air yang mapan terutamanya dalam pengurangan penggunaan air domestik. Ianya adalah untuk mengelakkan penggunaan yang berlebihan serta pembaziran sumber air mentah yang berharga. Matlamat utama adalah termasuk:

- a. Menyarankan akaun bekalan air domestik bagi individu dibuat secara berasingan bagi premis yang berkongsi akaun, ia membolehkan penggunaan air dapat dikawal dan dipantau.
- b. Mengenal pasti semua penggunaan bukan domestik yang menggunakan bekalan air bagi akaun domestik agar penyelarasan penukaran kod tarif dapat dilaksanakan. Ini membolehkan data penggunaan air domestik dibaca dengan lebih tepat dan mengurangkan kos operasi operator bekalan air.
- c. Tindakan pantas untuk memperbaiki kebocoran dalaman untuk tujuan penjimatan air dan mengurangkan kos sara hidup pengguna.
- d. Bantuan kewangan untuk mereka yang memerlukan pembaikan sistem paip dalaman dengan segera; dan menggalakkan penggunaan produk cekap air yang berdaftar dengan SPAN yang bertujuan bagi penggunaan air yang lebih berhemat.

Kesimpulannya, pendekatan dalam pelbagai aspek oleh SPAN pada 2023 telah melibatkan kedua-dua aktiviti audit tematik dan kajian mendalam mengenai penggunaan air domestik yang tinggi, menyumbang kepada pemahaman yang lebih komprehensif tentang pengurusan air dan cabaran terhadap penggunaan. Usaha ini sejajar dengan komitmen SPAN untuk menambah baik perkhidmatan air dan menggalakkan penggunaan air yang cekap untuk manfaat semua pihak berkepentingan.

(vi) Pelan Strategik dan Sasaran Masa Hadapan

Pelan strategi pelaksanaan audit yang dibangunkan bertujuan untuk meningkatkan mutu industri perkhidmatan air, memastikan pengurusan dan penggunaan air yang cekap, saksama, dan mapan. Berikut merupakan kaedah pelaksanaan setiap strategi:

- a. Mengembangkan skop audit yang merangkumi bidang-bidang kritikal tambahan yang tidak tercakup dalam audit sebelumnya.
- b. Meningkatkan keteraturan audit dengan menetapkan jadual audit yang berkala dan komprehensif serta mengembangkan senarai semak yang terperinci berdasarkan standard yang ditetapkan dan syarat-syarat lesen khas.
- c. Memperkukuh mekanisme tindakan susulan dengan menetapkan prosedur yang jelas untuk menyelesaikan isu yang dikenal pasti semasa audit.
- d. Memanfaatkan penemuan dari kajian penggunaan air dengan memanfaatkan data dari kajian dalam membangunkan strategi pemuliharaan air yang berkesan.

Dengan melaksanakan strategi ini, industri perkhidmatan air dijangkakan akan dapat mengekalkan standard yang tinggi dalam pengurusan dan penggunaan air yang cekap, saksama, dan mapan.

(I) PENGUATKUASAAN DAN PENYELESAIAN ADUAN

(i) Siasatan dan kompaun

Sebanyak 37 kertas siasatan tambahan dibuka pada 2023 atas pelbagai kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655). Ini telah menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 1,290 kertas siasatan setakat 31 Disember 2023. Pelbagai kesalahan yang dilaporkan oleh operator dan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh SPAN ditunjukkan dalam jadual yang berikut.


37 KERTAS
SIASATAN
TAMBAHAN

Kategori	Seksyen	Jenis Kesalahan	Bilangan Kesalahan		
			2008-2022	2023	Jumlah
Perkhidmatan Air	45	Pembinaan sistem bekalan air	18	5	23
	55	Sekatan bekalan air	1	-	1
	89(9)	Pemotongan bekalan air	87	4	91
	121	Kesalahan mengenai pencemaran air	13	-	13
	122	Perbuatan salah	27	-	27
	123	Sambungan bekalan air yang menyalahi undang-undang	664	25	689
	124	Mengganggu meter atau sub-meter	15	-	15
	125	Mengganggu sistem bekalan air	3	-	3
	126	Mengambil air dari pili bomba	11	-	11
	Kaedah 31	Serahan pelan pemasangan paip	1	-	1
	Kaedah 45	Penggunaan pam	1	-	1
Jumlah untuk Perkhidmatan Air			841	34	875

Kategori	Seksyen	Jenis Kesalahan	Bilangan Kesalahan		
			2008-2022	2023	Jumlah
Perkhidmatan Pemetungan	45	Pembinaan sistem pemetungan	115	-	115
	49	Kelayakan untuk mengendalikan sistem pemetungan	6	-	6
	60	Sambungan yang tidak dibenarkan ke pemetung awam	6	-	6
	61	Efluen terlarang atau benda berbahaya dilepaskan ke dalam pemetung awam	40	-	40
	65	Kewajipan untuk mengendalikan dan menyenggara sistem pemetungan persendirian	29	-	29
	66	Penalti dikenakan dengan kacau ganggu yang disebabkan oleh sistem pemetungan persendirian	3	-	3
	122	Perbuatan salah	10	-	10
	Kaedah 20	Pembinaan kerja-kerja pemetungan	4	-	4
Jumlah untuk Perkhidmatan Pemetungan			213	0	213
Lain-lain	4	Kehendak bagi lesen individu	11	-	11
	10	Pematuhan syarat lesen individu	8	1	9
	20	Kehendak bagi lesen kelas	98	-	98
	26	Pematuhan syarat lesen kelas	1	-	1
	30	Pengemukakan rancangan perniagaan	1	-	1
	50	Permit untuk kontraktor	40	2	42
	129	Penggunaan atau pembekalan kelengkapan yang tidak mengikut piawaian yang menyalahi undang-undang	17	-	17
	130	Kesalahan kerana memberi maklumat palsu atau mengelirukan	23	-	23
Jumlah untuk lain-lain			199	3	202
Jumlah Keseluruhan			1,253	37	1,290

Jadual 40: Jumlah kes yang disiasat oleh SPAN setakat 31 Disember 2023

Pengadu	Status Kes				
	Dikompaun	Dalam Siasatan	Selesai	Tiada Tindakan Lanjut	Jumlah
Air Selangor	2	-	1	-	3
SAINS	6	-	2	-	8
RSAJ	4	-	5	-	9
SAMB	-	-	1	-	1
PAIP	-	-	-	-	-
SADA	2	-	4	-	6
AKSB	-	-	-	-	-
LAP	-	-	-	-	-
IWK	-	-	-	-	-
PBAPP	1	-	-	-	1
SATU	-	-	-	-	-
SPAN/Awam	-	-	8	-	8
SAP	1	-	-	-	1
Jumlah	16	-	21	-	37

Jadual 41: Status Kertas Siasatan di bawah Akta 655 setakat 31 Disember 2023

Nota: Statistik ini mungkin berbeza dari tahun-tahun sebelum ini disebabkan kes-kes yang diklasifikasikan semula oleh Timbalan Pendakwa Raya.

Bil	Nama	Kompaun (RM)
1	Potensi Hijau Sdn Bhd	5,000.00
2	Fateck Construction Sdn Bhd	5,000.00
3	SPS Batu Pahat	5,000.00
4	Chop Ban Sin Tailor	1,000.00
5	Mohamed Said bin Ishak	1,000.00
6	Granmier Development Sdn Bhd	25,000.00
7	CH Service Station Sdn Bhd	10,000.00
8	MNM Geotech Sdn Bhd	5,000.00
9	Mohamad Hasrul bin Mustafar	1,000.00
10	Nestcon Infra Sdn Bhd	5,000.00
11	ZD Zira Trading	1,000.00
12	Klebang Heritage Avenue	1,000.00

Bil	Nama	Kompaun (RM)
13	Uruswajar Concrete Sdn Bhd	1,000.00
14	Detik Venture Sdn Bhd	10,000.00
15	Cheng Han Boon	1,000.00
16	Su Yong Chin	5,000.00
17	Jun Fishery	5,000.00
18	Charter Built Builders Sdn Bhd	5,000.00
19	Santai SP Sdn Bhd	5,000.00
20	Rosmaizi bin Muda	1,000.00
21	Ye Lim Wood Sdn Bhd	5,000.00
22	Adena Resort Management Sdn Bhd	5,000.00
23	Chan Chee Min	1,000.00
24	Kamala Kani a/p Karupiah	1,000.00
25	Vishnu a/I Venukopal	1,000.00
26	DW Motoworks	1,000.00
27	Binaform Sdn Bhd	10,000.00
28	TCG Majujaya Bina Sdn Bhd	5,000.00
29	Chuang Yuan Metal Trading Sdn Bhd	5,000.00
30	Yap Yuk Hu	1,000.00
31	Mega Scnery Sdn Bhd	5,000.00
32	Kow Hock Building Materials (M) Sdn Bhd	5,000.00
33	Teras Sari Resources Sdn Bhd	5,000.00
34	ST Kuari Perlis Enterprise	5,000.00
35	Munafa Enterprise	1,000.00
36	Petronas Research Sdn Bhd	25,000.00
37	Baidzawi bin Che Mat	5,000.00
38	All-Ivory Enterprise Sdn Bhd	5,000.00
39	Infomile Sdn Bhd	5,000.00
40	Nazrine Maju Sdn Bhd	5,000.00
41	Kaba Bina Enterprise	1,000.00
42	Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn Bh	10,000.00
43	Litafarm Enterprise Sdn Bhd	5,000.00
44	Faiz Hamzah Enterprise	1,000.00

Bil	Nama	Kompaun (RM)
45	See Dung Xuen	1,000.00
46	Roti John Paroi Jang Ijan	1,000.00
47	AY Trading & Consultant	1,000.00
48	Nik Ahmad Johari bin Nik Mat	5,000.00
49	Tan Lai Chua	1,000.00
50	Tee Kim Kee	1,000.00
51	Intel Technology Sdn Bhd	5,000.00
52	Alai Motorsport Sdn Bhd	5,000.00
53	Safuan Group Holdings Berhad	2,500.00
54	Muhammad Syarifuddin bin Abd Rahim	1,000.00
55	Fok Siblings Organic Plantation	5,000.00
56	Aman Sakuran Resources	1,000.00
57	Dar Ward Sdn Bhd	20,000.00
Jumlah		265,500.00

Jadual 42: Kes-kes yang dikompaun di bawah Akta 655 dan telah dibayar pada 2023

(ii) Pemotongan Bekalan Air

Seksyen 55 Akta 655 memperuntukkan Suruhanjaya mengeluarkan notis kepada operator air awam untuk memotong sambungan bekalan air ke mana-mana premis, jika Suruhanjaya mendapati bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana premis telah digunakan atau akan digunakan bagi perlakuan suatu kesalahan di bawah Akta 655 atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau apa-apa alasan lain yang disifatkan patut oleh Suruhanjaya.

Pada 2023, SPAN menerima sejumlah 23 permohonan daripada pelbagai agensi dan badan penguatkuasaan untuk memotong sambungan bekalan air pada pelbagai premis, yang mana notis telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya kepada operator air masing-masing. Butiran notis adalah seperti jadual yang berikut.

Pihak Berkuasa	2023	
	Bilangan Permohonan	Bilangan Premis
Polis Diraja Malaysia	8	16
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	-	-
Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	4	28
Pejabat Tanah dan Daerah (PTD)	11	12
Lain-lain	-	-
Jumlah	23	56

Jadual 43: Permohonan pemotongan bekalan air dari pelbagai agensi kerajaan pada 2023

(iii) Aktiviti Penguatkuasaan

SPAN telah dipertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) dan perundangan subsidiarinya di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan. Bagi mewujudkan penguatkuasaan yang berkesan dan cekap, terdapat empat (4) wilayah iaitu wilayah utara, selatan, timur dan tengah dengan bahagian penguatkuasaan wilayah masing-masing seperti yang ditunjukkan dalam jadual yang berikut.



**AKTA INDUSTRI
PERKHIDMATAN
AIR 2006
(AKTA 655)**

Wilayah	Lokasi Pejabat	Kawasan Operasi
Utara	Seberang Jaya	Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak
Selatan	Johor Bahru	Johor dan Melaka
Timur	Kuala Terengganu Kuantan	Kelantan dan Terengganu Pahang
Tengah	Cyberjaya	Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, dan WP Putrajaya dan Labuan

Jadual 44: Bahagian penguatkuasaan wilayah dan kawasan operasinya

Sejumlah 131 aktiviti penguatkuasaan telah dilaksanakan bersama operator air dan pembetulan sepanjang 2023. Daripada 131 aktiviti, 92 aktiviti untuk perkhidmatan bekalan air dan 39 aktiviti untuk perkhidmatan pembetulan. Sebanyak 385 premis diserbu dan 211 daripadanya kes sah. Terdapat sedikit penurunan untuk aktiviti penguatkuasaan serta bilangan premis yang diserbu pada 2023 berbanding 2022. Pada 2022, 168 aktiviti penguatkuasaan telah dijalankan dengan 387 premis diserbu dan 211 daripadanya kes sah.


Wilayah	Kategori	Bilangan Aktiviti Penguatkuasaan	Bilangan Premis yang diserbu	Bilangan Kes yang disahkan	Peratus Kes yang disahkan (%)
Utara	Air Pembetulan	17	39	11	63.7
		20	162	117	
Selatan	Air Pembetulan	28	50	30	60
		-	-	-	
Timur	Air Pembetulan	10	33	10	33.3
		9	12	5	
Tengah	Air Pembetulan	37	79	29	42.7
		10	10	9	
Jumlah Keseluruhan		131	385	211	54.8

Jadual 45: Aktiviti Penguatkuasaan pada 2023

(iv) Pemantauan Sumber Air

SPAN telah menjalankan rondaan dan pemantauan ke lokasi berisiko tinggi untuk berlakunya pencemaran yang terletak di dalam Lembangan Sungai Langat dan Semenyih, serta Lembangan Sungai Selangor. Pada penghujung tahun 2023, kawasan rondaan dan pemantauan telah diperluaskan ke Negeri Sembilan dan Pahang berikutan kekerapan berlakunya kejadian pencemaran sungai yang menjadi sumber air mentah hingga menyebabkan henti tugas loji rawatan air. Lokasi-lokasi yang dipantau ini terdiri daripada kawasan perindustrian, ladang akuakultur, kawasan perlombongan pasir, ladang tanaman, empangan, muka sawah dan loji rawatan air serta loji rawatan kumbahan. Rondaan dan pemantauan ini dijalankan pada tahap kesediaan tinggi bagi mencegah sebarang kejadian pencemaran air yang boleh mengganggu operasi loji rawatan air.

Sebarang maklumat atau insiden yang ditemui semasa rondaan dan pemantauan rutin, dikongsi menerusi kumpulan WhatsApp khas yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Air Negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang yang dianggotai oleh pihak-pihak berkepentingan dan pemegang taruh seperti Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Badan Kawal Selia Air Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta operator air dan pembetungan.



Pada 2023, sejumlah 492 aktiviti rondaan dan pemantauan telah dijalankan seperti jadual yang berikut.

Lembangan Sungai	Januari	Februari	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	September	Oktober	November	Disember	Jumlah
Sungai Langat dan Semenyih	16	14	13	15	16	11	18	16	12	12	12	8	163
Sungai Selangor	25	18	15	17	19	11	18	14	14	17	13	7	188
Sungai Keratong/ Sungai Pukin	-	-	-	-	-	-	-	-	4	4	4	4	16
Sungai Linggi	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	6	7
Loji Rawatan Kumbahan	8	7	12	14	8	10	8	8	13	12	11	7	118
Jumlah	49	39	40	46	43	32	44	38	43	45	41	32	492


Jadual 46: Aktiviti rondaan dan pantauan pada 2023

Di samping itu, pemeriksaan mengejut juga turut dijalankan ke atas premis-premis yang disyaki serta berisiko untuk melakukan aktiviti pelepasan efluen terlarang ke dalam saluran pembetungan awam. Perbuatan sedemikian boleh menyebabkan gangguan kepada operasi loji rawatan kumbahan awam. Pemeriksaan berkala ke atas operasi loji rawatan kumbahan awam dan persendirian juga turut dijalankan bagi memastikan loji rawatan kumbahan berfungsi dengan baik dan tidak menjadi penyumbang kepada sebarang pencemaran sumber air.

Bulan	Januari	Februari	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	September	Oktober	November	Disember	Jumlah
Bilangan lokasi yang ditinjau	303	211	221	251	231	178	239	199	206	214	190	148	2,591

Jadual 47: Bilangan lokasi yang ditinjau pada tahun 2023

Kesan aktiviti rondaan dan pemantauan yang dilaksanakan secara berkala oleh SPAN di kawasan lembangan-lembangan sungai utama yang membekalkan air kepada penduduk Lembah Kelang telah berjaya mengekang insiden henti tugas loji rawatan air yang berpunca daripada pencemaran sumber air mentah. Untuk 2023 hanya tiga (3) insiden henti tugas yang berpunca daripada pencemaran sumber air mentah direkodkan dan ia sama seperti pada 2022. Namun begitu, terdapat pertambahan lima (5) insiden henti tugas loji rawatan air akibat pencemaran sumber air mentah berlaku di luar kawasan rondaan dan pemantauan SPAN yang dilaporkan. Tiga (3) insiden di Negeri Sembilan yang melibatkan henti tugas LRA Linggi dan dua (2) insiden di Pahang yang menyebabkan henti tugas LRA Keratong dan LRA Karak Baru. Susulan daripada itu, kawasan rondaan dan pemantauan UCJAS telah diperluaskan ke Lembangan Sungai Linggi di Negeri Sembilan dan Lembangan Sungai Keratong di Pahang. Adalah diharapkan usaha berterusan ini dapat mencegah gangguan bekalan air akibat pencemaran sumber air mentah bagi kawasan Lembah Klang, Port Dickson, Seremban dan Keratong.



**PENCEMARAN
SUMBER
AIR
MENTAH**

Bulan	Januari	Februari	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	September	Oktober	November	Disember	Jumlah
LRA Semenyih	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
LRA Rantau Panjang, LRA SSP 1, LRA SSP 2 dan LRA SSP 3	-	1	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	2
LRA Keratong	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	1
LRA Karak Baru	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	1
LRA Linggi	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	2	3
Jumlah	1	1	-	-	-	-	-	1	-	1	2	2	8

Jadual 48: Insiden penutupan loji rawatan air

(J) PENDAKWAAN

SPAN melalui Bahagian Pendakwaan telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan prosiding pendakwaan terhadap mana-mana kesalahan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) dan perundangan subsidiarinya (setelah satu arahan atau izin untuk mendakwa diberikan oleh Timbalan Pendakwa Raya sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 164 Akta 655). Di samping itu, sepanjang 2023, SPAN juga telah menjalankan fungsi atau aktiviti-aktiviti utama lain sepertimana yang diringkaskan pada jadual yang berikut.



Bil	Klasifikasi	Bilangan kertas siasatan (KS) /kes
1	Arahan TPR untuk kompaun	78 KS
2	Arahan TPR untuk siasatan lanjutan	46 KS
3	Arahan TPR untuk NFA	31 KS
4	Arahan TPR untuk mendakwa pada 2023	13 KS
5	Kes untuk didakwa di mahkamah (masih dalam proses penambahbaikan keterangan sedia ada)	5
6	Kes mahkamah yang telah difailkan pada 2023	9 *1 kes – dibawa dari 2022 *8 kes – arahan untuk mendakwa pada 2023
7	Kes pendakwaan yang masih aktif yang dibawa daripada 2022	5
8	Kes yang dilupuskan oleh Mahkamah Sesyen pada 2023	9 *1 kes dibawa dari 2021 – perbicaraan penuh *5 kes – dibawa dari 2022 – OKS disabitkan *2 kes – diarahkan untuk didakwa pada 2023 – OKS disabitkan *1 kes DNAA oleh mahkamah
9	Kes jatuh hukum oleh Mahkamah Sesyen	7
10	Kes masih aktif di Mahkamah Sesyen (dibawa ke tahun 2024)	5
11	Rayuan difailkan di Mahkamah Tinggi	1

*(NFA – No Further Action)
*(OKS – Orang Kena Saman)
*(DNAA – Discharge Not Amounting to An Acquittal)

Jadual 49: Ringkasan aktiviti dan tindakan yang dijalankan pada 2023

Bil	Kes	Nombor Saman	Mahkamah Seksyen	Hukuman
1	PP v Sahzad bin Sahardan	NA-63-208-07/22	Seremban	Denda RM5,000.00
2	PP v Redzuan Metal Industries Sdn Bhd	BK-63-6-08/22	Sepang	Denda RM30,000.00 (Gagal bayar, 5 bulan penjara)
3	PP v Sathis a/l Kumaran	NA-63-237-08/22	Seremban	Denda RM10,000.00 (Gagal bayar, 4 bulan penjara)
4	PP v Sathis a/l Kumaran	NA-63-238-08/22	Seremban	Denda RM5,000.00 (Gagal bayar, 4 bulan penjara)
5	PP v Mogan a/l Thangarasu	NA-63-316-09/23	Seremban	Denda RM1,000.00 (Gagal bayar, 1 bulan penjara)
6	PP v Magnum Sofa Sdn Bhd	JA-63-32-09/23	Johor Bahru	Denda RM25,000.00
7	PP v Mohamad Hamidi bin Zakaria	RA-63-8-11/23	Kangar	10 bulan penjara

Jadual 50: Tujuh (7) kes yang telah dilupuskan (jatuh hukum) oleh Mahkamah Sesyen di bawah seksyen 123 (1) Akta 655

Bagi merealisasikan visi untuk memupuk pembelajaran secara berterusan, dua (2) sesi latihan telah diadakan pada 2023. Sesi latihan pertama berbentuk bengkel yang bertajuk “*Post-Mortem* bagi kes-kes yang didakwa sepanjang 2022” telah diadakan pada Mac 2023. Sesi latihan ini dirangka khas untuk pegawai-pegawai penguatkuasaan yang merangkumi pegawai pendakwa, pegawai penyiasat serta pegawai serbuan untuk berkongsi pandangan dan pengetahuan yang bertujuan untuk menghasilkan kertas siasatan (KS) yang berkualiti tinggi dalam menjayakan kes pendakwaan di mahkamah. Pegawai Pendakwa diberikan tanggungjawab untuk membentangkan kes-kes yang dikendalikan oleh mereka dan mengetengahkan isu-isu berbangkit serta penambahbaikan yang diperlukan dalam KS. Sesi ini dimoderasikan oleh Timbalan Pendakwa Raya dan Pengarah Bahagian Pendakwaan.

Sesi latihan kedua bagi 2023 telah diadakan di Melaka dengan tajuk “Bengkel Pemantapan Bahagian Pendakwaan” dan dihadiri oleh pegawai pendakwa dan pegawai teknikal dari Jabatan Kawal Selia Air dan Pembetungan SPAN. Fokus utama latihan ini adalah untuk membincangkan prosedur-prosedur berkaitan dengan kesalahan di bawah seksyen 61 Akta 655, tatacara pensampelan dan rantai keterangan. Sesi latihan ini diberikan oleh penceramah jemputan dari Jabatan Kimia Malaysia dan Jabatan Kawal Selia Air dan Pembetungan SPAN.



(K) ADUAN PENGGUNA

Pada 2023, sebanyak 2,489 aduan telah direkodkan dalam Sistem E-Aduan SPAN berbanding 2,231 aduan pada 2022. 2,235 aduan atau 89.8% daripada jumlah aduan mengenai perkhidmatan bekalan air manakala 254 aduan atau 10.2% mengenai perkhidmatan pembetulan. Kesemua 2,489 aduan atau 100% telah diselesaikan.



2,489 ADUAN

Kategori Perkhidmatan	Tahun 2023
Bekalan Air	2,235
Pembetulan	254
Jumlah aduan yang diterima	2,489
Jumlah aduan yang diselesaikan	2,489
% Aduan yang diselesaikan	100%

Jadual 51: Aduan yang diterima dan diselesaikan oleh SPAN pada 2023

Butiran aduan mengenai perkhidmatan bekalan air dan pembetulan yang diterima oleh SPAN melalui Sistem E-Aduan ditunjukkan dalam jadual yang berikut.

Perkhidmatan	Jenis Aduan	Bilangan Aduan
Bekalan Air	Gangguan bekalan air	1,161
	Tekanan air rendah	349
	Pengebilan	190
	Paip pecah atau bocor	133
	Lain-lain (Am)	82
	Isu meter air	98
	Akaun	60
	Kecurian air	90
	Kualiti air tidak memuaskan	63
	Produk	6
	Loji rawatan air	3
Jumlah		2,235

Perkhidmatan	Jenis Aduan	Bilangan Aduan
Pembetulan	Lain-lain	107
	Paip dan Stesen Pam	58
	Loji rawatan kumbahan	37
	Pengebilan	19
	Lain-lain (Am)	4
	Tandas curah	3
	Perkhidmatan nyah enap cemar	25
	Enap cemar	1
Jumlah		254

Jadual 52: Aduan mengenai perkhidmatan bekalan air dan pembetulan pada 2023


Pada 2023, aduan tertinggi mengenai perkhidmatan bekalan air diterima dari Kelantan, diikuti oleh Kedah, Pahang dan Selangor. Bagi perkhidmatan pembetulan, aduan tertinggi diterima dari Selangor, diikuti oleh Johor dan WP Kuala Lumpur, Pahang, Perak dan Negeri Sembilan. Kebanyakan aduan telah diselesaikan mengikut tahap perkhidmatan (*levels of Service – LoS*) yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan.

Bilangan Aduan		
Negeri	Perkhidmatan Bekalan Air	Perkhidmatan Pembetulan
Kelantan	529	5
Kedah	415	4
Pahang	390	18
Selangor	331	120
Johor	126	26
Terengganu	64	2
WP Kuala Lumpur	84	26
Melaka	47	4
Pulau Pinang	43	14
WP Labuan	20	0
Perak	42	16
Negeri Sembilan	52	14
Perlis	32	1
WP Putrajaya	14	3
Sabah	42	1
Sarawak	4	0
Jumlah	2,235	254

Jadual 53: Aduan mengenai perkhidmatan bekalan air dan pembetulan mengikut negeri pada 2023

DIARI KORPORAT





DIARI KORPORAT



18 JANUARI 2023

Pegawai SPAN menunjukkan bekalan air daripada sambungan secara tidak sah di sebuah ladang ternakan lembu dan kambing di Mantin, Negeri Sembilan



23 FEBRUARI 2023

Ir. Hj. Muhamad Sobri Bin Zakaria, Pengarah Eksekutif SPAN bergambar bersama delegasi daripada Kementerian Bekalan Air Nepal semasa kunjungan hormat mereka ke Ibu Pejabat SPAN

11 MAC 2023

Pegawai SPAN memberi penerangan kepada pengunjung yang mengunjungi pameran sempena Sambutan Hari Air Sedunia 2023 di Stadium Indera Mulia, Ipoh, Perak



11 MAC 2023

YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melancarkan Program Jimat Air 4.0 di Ipoh Parade, Perak





6 APRIL 2023

YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) menyerahkan watakah pelantikan kepada Tuan Charles Santiago, Pengerusi baharu SPAN



6 MEI 2023

Ts. Mohd Fazil bin Ismail, Pengarah Unit Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Pengguna SPAN menyampaikan taklimat mengenai kepentingan air dan pemuliharaan sumber air ketika Program *Civil Engineering Awareness* di Sekolah Menengah Sains Banting, Selangor

8 MEI 2023

Tuan Charles Santiago, Pengerusi SPAN berswafoto bersama kakitangan SPAN ketika Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri SPAN



11-12 MEI 2023

Tuan Charles Santiago, Pengerusi SPAN mendengar penjelasan daripada pegawai penguatkuasaan SPAN di reruai pameran SPAN sempena Karnival Alam Kita 2023, Kota Bharu, Kelantan





14 JUN 2023

Sebahagian daripada peserta menghadiri Bengkel Pelan Tindakan Kesan El Nino di Hotel DoubleTree by Hilton Putrajaya



15 JUN 2023

Pegawai SPAN memberi taklimat mengenai Bilik Gerakan *War Room* dalam menghadapi fenomena El Nino kepada delegasi daripada Persatuan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur and Selangor

10 JULAI 2023

Sidang media yang diketuai oleh Tuan Charles Santiago, Pengerusi SPAN, mengenai hasil penemuan Jawatankuasa Teknikal Khas berkait insiden gangguan bekalan air di negeri Kedah dan Pulau Pinang akibat penurunan paras air Sungai Muda, Kedah



12 JULAI 2023

Pegawai SPAN memberi taklimat kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Presint 11(1) Putrajaya semasa Program Sekolah Rakan SPAN





13 JULAI 2023

Dr. Abrari bin Salleh, Pengarah Bahagian Audit Dalam SPAN menjalani saringan kesihatan di Program Pemeriksaan Kesihatan oleh Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia



5 OGOS 2023

YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) bersama Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif SPAN membuka paip air semasa Majlis Penyerahan Projek Bekalan Air kepada Madrasah Ihya Ulumuddin, Pasir Puteh

18-20 OGOS 2023

SPAN menyertai pameran sempena Pesta Air Nasional di Teluk Cempedak, Kuantan



21 OGOS 2023

Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif SPAN menunjukkan satu sambungan bekalan air secara tidak sah di sebuah kilang barangan lusuh di Kampung Telok Gong, Pelabuhan Klang





6 SEPTEMBER 2023

Anggota-anggota Suruhanjaya menunjukkan paip cekap air di Masjid Andalusia, Sungai Petani, Kedah



6 SEPTEMBER 2023

Anggota Suruhanjaya dan pegawai kanan SPAN menunjukkan paip cekap air di Masjid Sultan Muzaffar, Sungai Petani, Kedah

13 SEPTEMBER 2023

Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif SPAN memberikan cenderahati kenangan kepada YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) pada Program Naratif Ekonomi Madani dan Dialog Belanjawan 2024 di Pusat Konvensyen Leo Moggie, TNB Platinum, Bangsar, Kuala Lumpur



15 SEPTEMBER 2023

Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif SPAN bersama Anggota-Anggota Suruhanjaya dan warga kerja SPAN pada Pertandingan Dekorasi Kenegaraan – Semarak Bulan Kebangsaan 2023





4-6 OKTOBER 2023

Pegawai SPAN bergambar bersama pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Presint 11(1) semasa lawatan mereka ke ruang pameran SPAN pada *International Greentech & Eco Products Exhibition and Conference Malaysia (IGEM)* di Kuala Lumpur Convention Centre



16 OKTOBER 2023

Anggota Suruhanjaya dan pegawai SPAN menunjukkan paip cekap air di Masjid Abu Bakar Mentakab, Pahang

18 OKTOBER 2023

Pegawai SPAN memberikan penerangan kepada pengunjung pada Program Duta Guru Simposium Kebangsaan 2023 di Hotel Movenpick



31 OKTOBER 2023

Pegawai SPAN bergambar bersama Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup ketika beliau melawat ke ruang pameran SPAN pada Majlis Hari Terbuka MyCC 2023 di Universiti Putra Malaysia





2 NOVEMBER 2023

Pegawai SPAN memberikan penerangan kepada pengunjung pada Hari Terbuka Loji Rawatan Air Gunung Semanggol, Perak



7 NOVEMBER 2023

Encik Mohd Roslee bin Mahyudin, Timbalan Pengarah Bahagian Pelesenan dan Tarif SPAN dan Encik Amlir Ayat, Naib Presiden EcoKnights pada program Selamat Pagi Malaysia di RTM

16 NOVEMBER 2023

Tuan Charles Santiago, Pengerusi SPAN berswafoto bersama kakitangan SPAN ketika Majlis Sambutan Deepavali SPAN



20 NOVEMBER 2023

Tuan Charles Santiago memberi taklimat berhubung cadangan pelarasan kadar perkhidmatan bekalan air ketika Program Sesi Ramah Mesra bersama Pengamal Media Tamil di Bangsar, Kuala Lumpur





22-24 NOVEMBER 2023

Tuan Charles Santiago, Pengerusi SPAN dan Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif SPAN bersama Anggota-Anggota Suruhanjaya dan pegawai-pegawai SPAN bergambar kenangan selepas menghadiri Program *Retreat* Pengurusan di Hyatt Regency Kuantan Resort



5-6 DISEMBER 2023

Pegawai SPAN memberikan penerangan kepada pengunjung pada Malaysia International Water Convention 2023 di World Trade Centre Kuala Lumpur

12 DISEMBER 2023

Sesi Libat Urus bersama Wakil Pengguna berhubung Cadangan Pelarasan Kadar Perkhidmatan bekalan air bagi kategori domestik



13 DISEMBER 2023


Pegawai SPAN bertanyakan soalan kepada seorang pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Tampoi, Johor Bahru semasa Program Sekolah Rakan SPAN



PENYATA KEWANGAN

- 106 SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
- 109 PENYATA ANGGOTA SURUHANJAYA
- 110 PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
- 111 PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
- 112 PENYATA PRESTASI KEWANGAN
- 113 PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH
- 114 PENYATA ALIRAN TUNAI
- 115 PENYATA PRESTASI BAJET
- 116 NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
- 135 ANALISA PRESTASI KEWANGAN SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AIR NEGARA (SPAN)







**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 36.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 [Akta 654].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Anggota Suruhanjaya, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 [Akta 654]. Anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya;

- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Anggota Suruhanjaya telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara hendaklah memberi perhatian terhadap perkara berikut:

- a. memastikan penyelenggaraan rekod yang teratur dan mematuhi polisi perakaunan yang diguna pakai supaya penyata kewangan dilaporkan dengan tepat; dan
- b. mengambil tindakan terhadap baki geran pembangunan yang tidak bergerak sejak tahun 2019 dengan merancang program yang berkaitan atau dipulangkan baki tersebut kepada Kementerian.

Sijil ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Negara 2006 [Akta 654] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
24 OKTOBER 2024



PENYATA PENERUS

DAN SALAH SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA

Kami, **Charles Anthony a/I R. Santiago** dan **Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman**, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Suruhanjaya, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara pada 31 Disember 2023 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara:



CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO
Pengerusi

Tarikh : 06 JUN 2024



DATO' HAJI AHMAD FAIZAL BIN ABDUL RAHMAN
Ketua Pegawai Eksekutif

Tarikh : 06 JUN 2024

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA

YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA

Saya, Bukhari bin Abdul Rahman, pegawai utama yang bertanggungjawab atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dengan ini mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh)

penama di atas di **CYBERJAYA**)
SELANGOR

Tarikh : **06 JUN 2024**



BUKHARI BIN ABDUL RAHMAN

No. Kad Pengenalan: 721119-02-5839

Di hadapan saya,



Level 3 & 4, Wisma Surla
Jalan Teknokrat 6, Cyber 5
63000 Cyberjaya, Selangor
Malaysia

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2023

	Nota	2023 RM	2022 RM
HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN	4	4,079,304	5,338,778
PINJAMAN KEPADA KAKITANGAN	5	37,508	38,967
KERJA DALAM PEMBANGUNAN	6	583,412	-
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		4,700,224	5,377,745
ASET SEMASA			
Penghutang	7	45,791,515	39,387,146
Pinjaman kepada kakitangan	5	37,288	53,501
Pendahuluan, prabayar dan deposit	8	831,875	835,088
Keuntungan terakru	9	2,693,928	707,484
Pelaburan jangka pendek	10	190,000,000	12,000,000
Tunai dan kesetaraan tunai	11	418,734,589	419,419,694
JUMLAH ASET SEMASA		658,089,195	472,402,913
JUMLAH ASET		662,789,419	477,780,658
LIABILITI SEMASA			
Pendapatan tertunda	12	8,331,763	8,868,529
Peruntukan manfaat pekerja	13	572,841	541,060
Pemiutang lain	14	9,169,938	5,742,129
Peruntukan cukai		1,967,312	648,643
Peruntukan zakat		1,112,765	811,332
JUMLAH LIABILITI SEMASA		21,154,619	16,611,693
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pendapatan tertunda	12	4,776,898	3,599,414
Peruntukan manfaat pekerja	13	1,955	2,167
Geran – Modul Latihan	17	3,581,181	3,539,967
Geran – Program NRW Nasional	18	379,169,102	239,936,667
Geran – <i>Spatial Mapping</i> Berinteraktif	19	3,454,086	1,491,846
Geran – Sumbangan Bencana	20	24,698,071	36,240,480
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA		415,681,293	284,810,541
JUMLAH LIABILITI		436,835,912	301,422,234
ASET BERSIH		225,953,507	176,358,424
JUMLAH ASET BERSIH		225,953,507	176,358,424

Nota-nota yang disertakan di muka surat 116 hingga 134 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Nota	2023 RM	2022 RM
HASIL			
Hasil urus niaga pertukaran	15	121,168,942	99,142,002
Hasil urus niaga bukan pertukaran	16	260,816,102	134,229,953
JUMLAH HASIL		381,985,044	233,371,955
BELANJA			
Geran – Program NRW Nasional	18	249,374,910	127,792,656
Geran – <i>Spatial Mapping</i> Berinteraktif	19	37,760	24,800
Geran – Sumbangan Bencana	20	11,403,432	6,412,497
Perbelanjaan kakitangan	21	44,863,376	41,185,934
Perkhidmatan dan bekalan	22	15,914,292	15,433,083
Perbelanjaan lain	23	949,225	2,806,906
Sumbangan kepada Forum Air	24	300,000	457,500
Susut nilai	4	2,690,007	2,808,183
Hutang Ragu		23,019	115,888
JUMLAH BELANJA		325,556,021	197,037,447
LEBIHAN BAGI TAHUN SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT		56,429,023	36,334,508
TOLAK: CUKAI DAN ZAKAT	25	(6,833,940)	(4,805,627)
LEBIHAN BAGI TAHUN SELEPAS CUKAI DAN ZAKAT		49,595,083	31,528,881
Dipegang oleh: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara		176,358,424	144,829,543
Lebihan Terkumpul Pada 31 Disember		225,953,507	176,358,424

Nota-nota yang disertakan di muka surat 116 hingga 134 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Jumlah Aset Bersih RM
Baki Pada 1 Januari 2022	144,829,543
Lebihan bagi tahun selepas cukai dan zakat	31,528,881
Jumlah hasil dan belanja diiktiraf bagi tahun kewangan	31,528,881
Baki pada 31 Disember 2022	176,358,424
Lebihan bagi tahun selepas cukai dan zakat	49,595,083
Jumlah hasil dan belanja diiktiraf bagi tahun kewangan	49,595,083
Baki pada 31 Disember 2023	225,953,507

Nota-nota yang disertakan di muka surat 116 hingga 134 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2023
RM

2022
RM
(Dinyatakan Semula)

ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI

Lebihan bagi tahun sebelum cukai dan zakat	56,429,023	36,334,508
Pelarasan bagi:		
Keuntungan Simpanan Tetap dan REPO	(9,395,129)	(4,212,307)
Kerugian Penjualan Aset	13,049	8,102
Keuntungan Penjualan Aset	(42,999)	(153,397)
Susut nilai	2,690,007	2,808,183
Peruntukan Hutang Ragu Baik Pulih	(115,888)	-
Peruntukan Hutang Ragu	138,907	115,888
Peruntukan Manfaat Pekerja	31,568	(56,129)
Pelunasan Geran	(260,816,102)	(134,229,953)

(Kerugian) operasi sebelum perubahan modal kerja **(211,067,564)** **(99,385,105)**

Perubahan dalam Modal Kerja:

Pelbagai penghutang	(6,406,503)	(12,429,878)
Pemiutang	4,068,527	(771,149)
Terimaan daripada Geran	388,014,706	268,161,531

Tunai yang diperolehi dari aktiviti operasi **174,609,166** **155,575,399**

Cukai dan zakat dibayar (5,213,838) (4,757,700)

Tunai bersih yang diperolehi dari aktiviti operasi **169,395,328** **150,817,699**

ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN

Pelaburan jangka pendek	(178,000,000)	108,200,000
Bayaran Kerja dalam Pembangunan	(583,412)	-
Pembelian harta, kelengkapan dan peralatan	(1,443,582)	(1,995,486)
Terimaan daripada jualan aset tetap	43,000	289,778
Keuntungan Simpanan Tetap/REPO dan Terakru	9,903,561	7,530,975

Tunai bersih (digunakan dalam)/yang diperolehi dari aktiviti pelaburan **(170,080,433)** **114,025,267**

(Pengurangan)/ Peningkatan bersih tunai dan setara tunai **(685,105)** **264,842,966**

Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun **419,419,694** **154,576,728**

Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun **418,734,589** **419,419,694**

Nota kepada tunai dan setara tunai pada akhir tahun:

Depositi di bank berlesen – simpanan tetap (kurang 3 bulan)	-	134,300,000
Tunai di tangan dan bank	418,734,589	285,119,694

418,734,589 **419,419,694**

Nota-nota yang disertakan di muka surat 116 hingga 134 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama.

PENYATA PRESTASI BAJET

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

BAJET MENGURUS	2023				2022			
	Anggaran Asal RM	Sebenar RM	Beza Sebenar dengan Asal RM	%	Anggaran Asal RM	Sebenar RM	Beza Sebenar dengan Asal RM	%
Terimaan								
Filesen/ permit	97,812,210	95,212,907	-2,599,303	-3	86,294,510	80,587,461	-5,707,049	-7
Pendapatan Keuntungan	900,000	9,256,152	8,356,152	928	699,600	4,212,307	3,512,707	502
Fi Pengurusan KWSMP	14,150,943	16,037,736	1,886,793	13	7,000,000	14,150,943	7,150,943	102
Lain-lain hasil	50,000	662,147	612,147	1224	100,000	191,291	91,291	91
Jumlah Terimaan	112,913,153	121,168,942	8,255,789	7	94,094,110	99,142,002	5,047,892	5
Bayaran								
Emolumen	45,482,276	44,863,376	-618,900	-1	40,557,103	41,185,933	628,830	2
Bekalan dan Perkhidmatan	25,391,797	16,863,517	-8,528,280	-34	19,497,636	18,239,990	-1,257,646	-6
Aset	2,152,556	1,443,582	-708,974	-33	2,879,162	1,995,486	-883,676	-31
Kenaan Cukai dan Zakat	4,650,000	6,833,940	2,183,940	47	2,600,000	4,805,627	2,205,627	85
Jumlah Bayaran	77,676,629	70,004,415	-7,672,214	-10	65,533,901	66,227,036	693,135	1
LEBIHAN BERSIH	35,236,524	51,164,527	15,928,003	45	28,560,209	32,914,966	4,354,757	15

Justifikasi bagi varian peratusan yang melebihi 50%:

Terimaan:

- 1. Fi Pengurusan KWSMP (>100%)** - YB Menteri PETRA pada 26 Februari 2024 meluluskan Fi KWSMP sebanyak RM17 juta berbanding unjuran asal RM15 juta iaitu berdasarkan pengiraan sebenar yang dikemukakan oleh SPAN.
- 2. Pendapatan Keuntungan (>100%)** - Kadar keuntungan meningkat selaras dengan pengumuman kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) oleh Bank Negara Malaysia.
- 3. Lain-lain Hasil (>100%)** - Unjuran hanya dibajetkan untuk jualan dokumen tender dan lain-lain sebanyak RM50,000 tetapi terimaan sebenar ialah RM662,147 iaitu pembiayaan sistem e-KWSMP berjumlah RM583,412 ditambah hasil dari keuntungan jualan aset sebanyak RM42,999 serta jualan tender, faedah penghakiman serta lain-lain terimaan.

Nota-nota yang disertakan di muka surat 116 hingga 134 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

1. ASAS PENYEDIAAN

(a) Maklumat am

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah ditubuhkan dengan berkuatkuasanya Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) pada 1 Februari 2007. Anggota Suruhanjaya telah dilantik oleh Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ("Kementerian"). Suruhanjaya terdiri daripada Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif dan tidak kurang daripada lapan tetapi tidak lebih daripada sepuluh orang lain.

Objektif penubuhan SPAN di bawah Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) memperuntukkan berkaitan fungsi Suruhanjaya sebagaimana berikut:

- (i) Menasihati Menteri tentang segala perkara berhubung dengan objektif dasar kebangsaan bagi undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembeda dan melaksanakan dan memajukan objektif dasar kebangsaan itu;
- (ii) Melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembeda dan menimbang dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembeda;
- (iii) Memastikan daya pengeluaran industri perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembeda dan memantau pengendali mematuhi standard perkhidmatan yang ditetapkan, obligasi berkontrak dan undang-undang dan garis panduan yang berkaitan;
- (iv) Menambah usaha bersepadu ke arah peningkatan kecekapan pengendalian industri itu dan secara khususnya pengurangan air tidak terhasil melalui program jangka pendek, jangka pertengahan dan jangka panjang;
- (v) Menasihati Menteri tentang mekanisme yang adil dan cekap bagi menentukan tarif yang adil kepada kedua-dua pengguna dan pemegang lesen dan melaksanakan tarif yang telah ditetapkan melalui mekanisme dan alat yang sesuai;
- (vi) Memastikan matlamat pembangunan Negara berkenaan dengan liputan, pembekalan dan akses kepada perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembeda tercapai;
- (vii) Memastikan pengekalan kualiti air dan perkhidmatan pembeda secara jangka panjang melalui pembangunan modal kerja yang berterusan;
- (viii) Merumuskan dan melaksanakan rancangan supaya semua permintaan yang munasabah bagi perkhidmatan pembeda dipenuhi dan melalui perundingan dengan pihak berkuasa yang berkaitan, menyediakan suatu rancangan kawasan tadahan pembeda yang merumuskan dasar dan cadangan am berkenaan dengan pembangunan apa-apa sistem pembeda yang baru dan langkah-langkah bagi membaiki mana-mana sistem pembeda yang sedia ada;
- (ix) Menjalankan apa-apa fungsi yang diberikan kepadanya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain; dan
- (x) Menasihati Menteri secara amnya mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembeda.

1. ASAS PENYEDIAAN (Sambungan)

(a) Maklumat am (Sambungan)

Alamat SPAN adalah di Aras Bawah & Aras Satu, Prima Avenue 7, Blok 3510, Jalan Teknokrat 6, 63000 Cyberjaya, Selangor.

Berdasarkan kepada Seksyen 37 Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) 2006 [Akta 654], tahun kewangan SPAN bagi tahun 2023 bermula dari 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023. Penyata Kewangan SPAN bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 telah dibentang dan diluluskan di Mesyuarat Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara pada 6 Jun 2024.

(b) Penyata pematuhan

Penyata Kewangan disediakan pada Asas Akruan.

Penyata Kewangan ini telah disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan serta mematuhi Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) 2006 (Akta 654).

Penyata Kewangan ini telah disediakan di bawah konvensyen Kos Sejarah kecuali seperti yang didedahkan di Dasar Perakaunan.

Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan ialah peristiwa yang memuaskan atau sebaliknya, yang berlaku antara tarikh pelaporan dengan tarikh apabila Penyata Kewangan diterbitkan.

(c) Pertimbangan dan anggaran

Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi Aset, Liabiliti, Hasil dan Belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

(a) Risiko kredit

SPAN mengamalkan polisi di mana tunai dan kesetaraan tunai disimpan hanya di bank dan institusi kewangan berlesen.

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang disebabkan oleh ketidakupayaan atau kegagalan pihak yang terlibat untuk memenuhi tanggungjawabnya membuat pembayaran semula. Pendedahan kepada risiko kredit adalah hasil daripada aktiviti-aktiviti urus niaga dan pelaburan.

Risiko kredit dikawal melalui aplikasi terhadap pengesahan kredit, had dan pengawalan prosedur. Ini dilaksanakan melalui rujukan kepada penarafan kredit yang diterbitkan oleh Institusi Kewangan. Sekiranya ketiadaan penarafan kredit, penyemakan kredit dalaman dilakukan untuk risiko kredit yang ketara.

(b) Risiko mudah tunai

Risiko mudah tunai berkait dengan ketidakupayaan untuk memenuhi komitmen kewangan dan tanggungannya apabila sampai masa yang telah ditetapkan. SPAN mempunyai tahap kecairan aset mudah cair yang mencukupi dan menyimpan tunai di institusi kewangan bagi tujuan memenuhi keperluan SPAN dan lain-lain komitmen dan tanggungannya.

(c) Risiko kadar keuntungan

SPAN terdedah kepada risiko kadar keuntungan yang berkaitan dengan pelaburan simpanan tetapnya dengan institusi kewangan yang berlesen yang mempunyai kebolehpercayaan kredit. SPAN boleh terdedah kepada kerugian disebabkan oleh struktur kadar keuntungan yang timbul daripada perubahan kadar keuntungan.

SPAN mengurus risiko kadar keuntungannya dengan meletakkan baki berkenaan di institusi kewangan berlainan serta mengikut terma kematangan dan kadar keuntungan yang berbeza-beza.

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA

Dasar perakaunan yang berikut diamalkan oleh SPAN:

(a) Asas perakaunan

Penyata kewangan SPAN telah disediakan mengikut piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) iaitu Piawaian Perakaunan Sektor Awam (MPSAS) mulai tahun 2019. Pada tahun kewangan sebelumnya, Penyata Kewangan Suruhanjaya disediakan menggunakan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS).

Penyata kewangan telah disediakan berasaskan konvensyen kos sejarah kecuali sepertimana yang dinyatakan sebaliknya dalam polisi perakaunan utama dan amalan perakaunan yang diterima umum di Malaysia.

SPAN telah memilih untuk menggunakan piawaian perakaunan MPSAS bagi pelaporan penyata kewangan tahun 2019 seperti yang telah diluluskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

(i) Pemakaian MPSAS

MPSAS yang diguna pakai oleh SPAN adalah seperti berikut:

- MPSAS 1 - Pembentangan Penyata Kewangan
- MPSAS 2 - Penyata Aliran Tunai
- MPSAS 3 - Dasar Perakaunan, Perubahan Dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
- MPSAS 9 - Hasil Urus Niaga Pertukaran
- MPSAS 14 - Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
- MPSAS 17 - Hartanah, Loji Dan Peralatan
- MPSAS 20 - Pendedahan Pihak Berkaitan
- MPSAS 23 - Hasil Urus Niaga Pertukaran (*Taxes and Transfers*)
- MPSAS 24 - Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan
- MPSAS 25 - Manfaat Pekerja
- MPSAS 28 - Instrumen Kewangan: Pembentangan
- MPSAS 29 - Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
- MPSAS 30 - Instrumen Kewangan: Pendedahan

(b) Harta, kelengkapan dan peralatan

Harta, kelengkapan dan peralatan dinyatakan pada nilai kos pada awal pembelian. Kos untuk menggantikan bahagian item harta, kelengkapan dan peralatan diiktiraf di dalam nilai dibawa item tersebut jika ianya berkemungkinan memberi manfaat ekonomi di masa depan yang akan mengalir masuk ke dalam SPAN dan kos tersebut boleh diukur dengan yakin. Kos pembiayaan harta, kelengkapan dan peralatan dari masa ke semasa diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan apabila ditanggung. Had nilai permodalan yang dicadangkan adalah RM2,000 bagi setiap item dan perolehan, tertakluk kepada semakan semula dari semasa ke semasa.

Aset bernilai kurang daripada RM2,000 atau aset bernilai rendah hendaklah dibelanjakan tetapi direkodkan dalam daftar aset untuk tujuan rekod dan kawalan.

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA (Sambungan)

(b) Harta, kelengkapan dan peralatan (Sambungan)

Semua harta, kelengkapan dan peralatan dinyatakan pada kos, ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penurunan nilai. Susut nilai diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat berguna setiap bahagian harta, kelengkapan dan peralatan.

Kadar tahunan susut nilai adalah seperti berikut:

 Peralatan pejabat 15%	 Sistem aplikasi dan komputer 33.33%	 Kenderaan bermotor 20%	 Perabot dan kelengkapan 20%
---	--	---	--

Jika wujud rosot nilai, jumlah aset akan dinilai semula dan dikurangkan serta merta kepada jumlah yang boleh diperolehi. Keuntungan dan kerugian dari penjualan akan ditentukan secara membandingkan jumlah penerimaan dengan nilai bawaan aset yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

(c) Rosot nilai aset

Nilai aset yang dibawa disemak pada tarikh penyata kedudukan kewangan untuk menentukan sama ada terdapat tanda rosot nilai. Jikalau wujud tanda demikian, nilai aset dijangka akan dianggarkan. Nilai boleh direalisasi merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai yang diguna, yang diukur berasaskan jangkaan aliran tunai yang didiskaunkan.

Kerugian kemerosotan dicajkan terus kepada penyata prestasi kewangan. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam nilai dijangka dapat diperolehi diiktirafkan sebagai keterbalikan kerugian kemerosotan terdahulu dan diiktirafkan setakat nilai aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susut nilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian kemerosotan diiktirafkan sebelum ini.

(d) Penghutang

Penghutang telah dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Anggaran untuk hutang ragu dibuat berdasarkan atas semakan amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan.

Hutang Ragu adalah merujuk kepada hasil tertunggak melebihi 3 tahun dan tiada kelulusan penjadualan semula bagi kutipan hasil tersebut. Peruntukan Hutang Ragu ditetapkan pada kadar sebanyak 5% - 25% daripada baki penghutang bagi hutang atau hasil yang tidak dapat dikutip dengan pengumuman bermula dari tempoh tiga (3) tahun ke atas sehingga (6) tahun ke bawah.

Pengiraan hutang ragu telah dibuat sebanyak 5% ke atas baki 2 penghutang bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 dengan jumlah terkumpul sebanyak RM138,906.73.

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA (Sambungan)

(d) Penghutang (Sambungan)

Peruntukan hutang lapuk (hapuskira) adalah direkodkan secara keseluruhan (100%) ke atas baki penghutang selepas mengambil kira perkara-perkara berikut:

- i. Senarai pengumuran penghutang dari tempoh (6) tahun dan ke atas; dan
- ii. Individu telah disahkan meninggal dunia; atau
- iii. Syarikat telah digulung yang telah disahkan oleh Jabatan Insolvensi; atau
- iv. Sebab lain yang berkaitan.

(e) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan dan baki bank, deposit di bank dan institusi kewangan lain serta pelaburan berjangka pendek yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang 3 bulan dan kurang dari tarikh pelaburan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah secara tidak langsung.

(f) Pelaburan jangka pendek

Pelaburan berjangka pendek yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang lebih 3 bulan dan sehingga setahun dari tarikh pelaburan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

(g) Manfaat pekerja

(i) Manfaat jangka pendek dan jangka panjang

Upah, gaji dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan dilaksanakan oleh pekerja-pekerja SPAN. Cuti jangka pendek berbayar terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan dilaksanakan oleh pekerja yang akan meningkatkan kelayakan pekerja ke atas cuti berbayar hadapan, dan cuti berbayar jangka pendek tidak terkumpul seperti cuti sakit hanya diiktiraf apabila cuti berlaku. Baki cuti yang dibawa ke tahun hadapan akan lupus sekiranya tidak digunakan sepenuhnya.

Tiada caj keuntungan (keuntungan sifar) dikenakan kepada semua pekerja untuk pinjaman komputer dan pinjaman motorsikal dalam tempoh empat (4) dan tiga (3) tahun.

(ii) Pelan sumbangan tetap

Mengikut undang-undang, majikan Malaysia yang berkecualan diwajibkan memberi sumbangan tetap ke atas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Sumbangan tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan semasa di dalam penyata pendapatan. Tanggungan sumbangan selesai setelah caruman dibayar.

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA (Sambungan)

(h) Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan

Merujuk kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) iaitu di bawah MPSAS 9, hasil yang diperolehi dikategorikan samada ada daripada urus niaga bukan pertukaran atau daripada urus niaga pertukaran.

(i) Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap suatu liabiliti telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun dibawa liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

(ii) Hasil daripada urus niaga pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran SPAN terdiri daripada kutipan lesen, fi pengurusan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembentukan (KWSMP) dan penerimaan keuntungan Simpanan Tetap/REPO. Semua pendapatan dikira berasas akruan kecuali fi tahunan lesen individu. Pendapatan fi tahunan lesen individu diiktiraf apabila fi telah dimuktamadkan.

Pendapatan tertunda terdiri daripada hasil (fi) prabayar untuk lesen dan permit yang diterima melebihi setahun iaitu sehingga tiga (3) tahun termasuk tempoh kewangan berikutnya. Pendapatan tertunda juga termasuk dalam kategori bukan liabiliti semasa dan akan dicaj atau dikreditkan kepada penyata prestasi kewangan mengikut tempoh kewangan semasa.

(i) Geran - Modul latihan

Geran Modul Latihan merupakan geran yang diterima oleh Suruhanjaya daripada pihak "Kementerian" sebagai Agensi Kerajaan bagi tujuan melaksanakan program pembangunan silibus dan modul-modul latihan industri perkhidmatan air negara.

(j) Geran – Program NRW nasional

Geran program NRW nasional merupakan geran sepadan yang diterima oleh Suruhanjaya daripada pihak "Kementerian" sebelum diserahkan kepada Operator Air yang mencapai sasaran. Tujuan geran ialah mencapai purata 25% di peringkat nasional bagi kadar Air Tidak Terhasil (Non-Revenue Water) dengan Operator Air perlu mengurangkan kadar air tidak terhasil yang ditetapkan oleh pihak SPAN di kawasan masing-masing. Pihak SPAN juga bertanggungjawab membuat semakan ke atas tuntutan yang dibuat oleh Operator Air yang mencapai sasaran sebelum pindahan wang geran dibuat.

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA (Sambungan)

(k) **Geran – Projek Pembangunan Data Industri Perkhidmatan Air Negara Beserta *Spatial Mapping* Yang Interaktif (DIPAN SMI)**

Geran Projek Pembangunan Data Industri Perkhidmatan Air Negara Beserta *Spatial Mapping* Yang Interaktif (DIPAN SMI) merupakan geran yang diterima bagi membangunkan pengkalan data yang interaktif untuk kegunaan semua pemegang taruh membuat keputusan terhadap perancangan penyediaan infrastruktur dan liputan perkhidmatan yang cekap, berkualiti, selamat dan berdaya harap serta mampan berkaitan sumber air, bekalan air dan perkhidmatan pembetulan. Projek ini diterajui oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Pusat Geospasial Negara (PGN) dan pelbagai agensi yang berkaitan.

(l) **Geran – Sumbangan Bencana**

Kementerian Kewangan (MoF) telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM40 juta di bawah pembiayaan Kumpulan Wang Covid-19 (KWC-19) bagi membaikpulih fasiliti bekalan air yang terkesan akibat banjir pada Disember 2021 kepada Operator Air Negeri.

(m) **Cukai pendapatan**

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa merupakan amaun cukai pendapatan yang dijangka perlu dibayar ke atas lebihan bercukai bagi tahun semasa dan dikira mengikut kadar cukai yang dikuat kuasakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan mengikut kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai bawaannya dalam penyata kewangan. Pada prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara bercukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua potongan perbezaan sementara bercukai, setakat mana terdapatnya kemungkinan keuntungan bercukai masa hadapan yang boleh digunakan terhadap perbezaan sementara boleh kurang.

(n) **Urus niaga matawang asing**

Urus niaga dalam matawang asing diterjemahkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang terpakai pada tarikh urus niaga berlaku dan di mana penyelesaian belum berlaku pada akhir tahun kewangan, pada kadar pertukaran yang terpakai pada tarikh tersebut. Perbezaan pertukaran asing yang wujud dari terjemahan dibawa ke penyata prestasi kewangan.

(o) **Urus niaga pihak berkaitan**

